PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2009

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan suku kedua menguncup dengan lebih sederhana

Ekonomi Malaysia menguncup pada kadar yang lebih sederhana, iaitu 3.9% pada suku kedua 2009 (S1 09: -6.2%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan awam yang lebih tinggi dan pertumbuhan positif dalam penggunaan swasta. Namun, pertumbuhan ekonomi terus dipengaruhi oleh permintaan luar negeri dan aktiviti pelaburan swasta yang lemah. Eksport bersih barangan dan perkhidmatan benar negara merosot 0.7% akibat daripada ekonomi global yang terus lembap. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat prestasi yang lebih baik.

Kadar penguncupan lebih sederhana pada suku kedua (pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku kedua, permintaan dalam negeri merosot dengan lebih perlahan pada kadar 2.3% (S1 09: -2.9%) berikutan pengembangan dalam perbelanjaan sektor awam dan penggunaan swasta. Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan positif 0.5% (S1 09: -0.7%) memandangkan keadaan pasaran pekerja yang mulai stabil dan paras harga yang lebih rendah terus menyokong perbelanjaan pengguna. Sentimen pengguna yang bertambah baik pada suku kedua turut ditunjukkan oleh Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia yang meningkat kepada 105.8 mata daripada 78.9 mata pada suku pertama. Penggunaan awam berkembang 1% disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap bekalan dan perkhidmatan serta emolumen. Pembentukan modal tetap kasar menguncup 9.8% (S1 09: -10.8%) memandangkan aktiviti pelaburan swasta terus merosot, khususnya dalam sektor perkilangan, disebabkan terdapat lebihan kapasiti dalam sektor itu berikutan permintaan luar negeri yang lemah. Namun, perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi dalam projek pembangunan untuk sektor pendidikan, perdagangan dan perindustrian serta pertanian dan pembangunan luar bandar telah sedikit sebanyak menyokong keseluruhan aktiviti pelaburan pada suku kedua.

Kesemua sektor utama ekonomi mencatat prestasi yang lebih baik pada suku kedua. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan positif 1.6% (S1 09: -0.2%), terutamanya hasil daripada prestasi subsektor kewangan dan insurans yang lebih baik. Kadar kemerosotan sektor perkilangan pula lebih sederhana pada 14.5% (S1 09: -17.9%) berikutan prestasi industri berorientasikan eksport, khususnya industri keluaran elektronik dan barangan elektrik (E & E) yang bertambah baik. Prestasi industri ini yang lebih baik adalah berikutan aktiviti penambahan semula inventori yang lebih giat susulan langkah mengurangkan pengeluaran secara meluas dan juga ambilan inventori yang besar yang diambil pada suku pertama. Pertumbuhan sektor pembinaan menjadi lebih kukuh pada 2.8% (S1 09: 1.1%) kerana sektor ini mendapat manfaat daripada pelaksanaan pakej rangsangan fiskal yang dipertingkat. Sektor pertanian pula pulih semula dan mencatat pertumbuhan 0.3% (S1 09: -4.3%) disokong oleh pertumbuhan pengeluaran tanaman makanan yang terus kukuh di samping penguncupan lebih kecil dalam pengeluaran tanaman perindustrian. Sektor perlombongan juga menyusut,

namun pada kadar lebih sederhana, iaitu 2.6% (S1 09: -5.2%) berikutan kemerosotan pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih kecil.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna, ialah 1.3% pada suku kedua (S1 09: 3.7%). Seperti pada suku sebelumnya, inflasi yang lebih sederhana ini sebahagian besarnya disebabkan kenaikan harga yang lebih rendah dalam *kategori makanan dan minuman tidak beralkohol* dan *pengangkutan*. Inflasi dalam *kategori makanan* dan *minuman tidak beralkohol* lebih sederhana pada 5.3% (S1 09: 9.2%), manakala harga dalam *kategori pengangkutan* pula menurun 8.2% berbanding dengan paras harga tahun lalu (S1 09: -2.1%). Penurunan ini mencerminkan terutamanya kesan asas (base effect) yang tinggi ekoran kenaikan paras harga yang ketara pada bulan Jun 2008 berikutan pelarasan harga bahan api.

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan adalah lebih kecil, namun dari segi nilai ia kekal besar pada RM26.5 bilion. Ini disebabkan kadar penguncupan import yang lebih perlahan berbanding dengan eksport kasar. Eksport kasar menguncup dengan nyata sebanyak 26.3% (S1 09: -20%) memandangkan permintaan terhadap keluaran perkilangan daripada rakan perdagangan utama negara masih lagi lemah, manakala eksport komoditi menguncup dengan ketara sebanyak 40.6% (S1 09: -23.8%). Penguncupan eksport komoditi yang lebih besar ini disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih rendah berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Sementara itu, peningkatan keluaran perkilangan dan penambahan semula stok input untuk pengeluaran telah mengakibatkan penurunan import barangan pengantara yang lebih kecil lantas menyebabkan penguncupan import lebih rendah pada 23.7% (S1 09: -29%).

Aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI)[1] pada asas tunai adalah lebih tinggi pada RM10.4 bilion pada suku kedua (S1 09: RM6.8 bilion) mencerminkan terutamanya aliran masuk modal ekuiti yang lebih tinggi. FDI bersih berjumlah RM6.7 bilion (S1 09: RM2.1 bilion) dan disalurkan terutamanya ke dalam sektor minyak dan gas serta perkilangan. Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih RM0.9 bilion (S1 09: -RM2.8 bilion). Pelaburan luar negeri tertumpu pada sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta komunikasi. Sementara itu, aliran keluar bersih pelaburan portfolio berjumlah RM15 bilion (S1 09: -RM9.6 bilion), terutamanya disebabkan matangnya Bon Global (1999) Kerajaan Persekutuan berjumlah USD1.5 bilion. Tanpa mengambil kira bon ini, aliran keluar bersih ekuiti dan sekuriti hutang pada amnya tidak berubah.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM322.9 bilion (bersamaan dengan USD91.5 bilion) pada 30 Jun 2009. Rizab berjumlah RM322.2 bilion (bersamaan dengan USD91.4 bilion) pada 14 Ogos 2009. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Pada suku kedua, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 2.00%. Ini sejajar dengan penilaian bahawa kesan terkumpul pelonggaran dasar monetari adalah memadai untuk merangsang aktiviti ekonomi dalam jangka sederhana.

Sehubungan dengan itu, kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada suku tersebut. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (BLR) purata tidak berubah pada suku itu, manakala kadar pinjaman purata (ALR) terus menurun ke paras rendah 5.02% pada bulan Mei. ALR kemudiannya stabil pada 5.04% pada bulan Jun. Kadar deposit pula secara relatif tidak berubah.

[1] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal lebih tinggi pada suku kedua sebanyak RM183.4 bilion (S1 09: RM157.4 bilion). Peningkatan ini adalah hasil daripada keadaan monetari yang lebih akomodatif sejak akhir 2008 dan langkah-langkah meluas yang disasarkan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi. Dari segi pertumbuhan tahunan, pinjaman bersih sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul meningkat 8% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 10.7%). Secara keseluruhan, pinjaman yang dipohon, diluluskan dan dikeluarkan juga lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya.

Pada suku kedua, dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta dalam pasaran modal berjumlah RM45.7 bilion (S1 09: RM11.6 bilion). Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM24.7 bilion (S1 09: 10.8 bilion), mencerminkan dasar fiskal Kerajaan yang mengembang. Dana bersih yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran PDS berjumlah RM19.3 bilion, manakala dana daripada pasaran ekuiti pula sebanyak RM11.5 bilion.

Agregat monetari terus mencatat pertumbuhan tahunan yang kecil pada suku kedua sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih sederhana. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan, iaitu 5.8% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 7.3%). M3 bertambah RM1.6 bilion pada asas suku tahunan, dengan pengembangan kredit sebagai pendorong utamanya.

Ringgit menambah nilai sebanyak 3.5% berbanding dengan dolar AS pada suku kedua, mencerminkan trend keseluruhan mata wang serantau. Pergerakan ringgit ini mencerminkan perkembangan ekonomi dan kewangan dalam negeri dan serantau. Ringgit disokong oleh sentimen yang bertambah baik terhadap pasaran sedang pesat membangun berikutan wujud tanda-tanda awal penstabilan ekonomi global dan serantau yang semakin jelas. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (1.0%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-10.9%) dan euro (-2.7%). Berikutan wujudnya tanda-tanda bahawa ekonomi United Kingdom akan menjadi bertambah baik, paun sterling pulih dengan ketara berbanding dengan kebanyakan mata wang termasuk ringgit, lantas menterbalikkan trend penyusutan nilai yang besar yang dialami mata wang tersebut pada tahun 2008. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (3.5%) dan peso Filipina (3.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain antara 0.9% hingga 8.7%. Ringgit menyusut nilai dengan nyata berbanding dengan rupiah Indonesia dan won Korea memandangkan kedua-dua mata wang ini telah pun pulih daripada kelemahan ketara yang dialami pada awal tahun ini. Rupiah menambah nilai berbanding dengan semua mata wang serantau berikutan sentimen positif yang terhasil daripada keadaan ekonomi dan keputusan pilihan rayanya baru-baru ini yang menggalakkan. Won Korea juga lebih kukuh disebabkan keadaan ekonominya yang lebih baik hasil sokongan daripada eksport dan permintaan dalam negerinya yang lebih kukuh. Antara 1 Julai hingga 25 Ogos 2009, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 0.3%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling sebanyak 1.7%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-1.7%) dan euro (-1.1%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan peso Filipina (1.1%), baht Thailand (0.3%) dan renminbi China (0.3%), tetapi menyusut nilai antara 0.2% hingga 2.2% berbanding dengan mata wang serantau lain.

Sektor kewangan terus berdaya tahan

Sektor kewangan terus berdaya tahan disokong oleh permodalan yang kukuh dan keupayaan mengurus risiko yang lebih mantap. Keberuntungan sektor ini kekal mapan meskipun persekitaran ekonomi adalah sukar. Dengan adanya penampan kewangan yang kukuh, yang diperkuat oleh kedudukan dana dan mudah tunai yang teguh, sektor kewangan terus berupaya memenuhi keperluan pembiayaan dan perkhidmatan kewangan bagi ekonomi sepanjang suku kedua.

Pada akhir bulan Jun 2009, nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras menjadi lebih kukuh masing-masing pada 14% dan 12.3%. Permodalan yang kukuh adalah hasil daripada perolehan tertahan dan inisiatif pengurusan modal yang proaktif oleh beberapa institusi perbankan. Kualiti pinjaman juga masih lagi menggalakkan. Nisbah pinjaman tak berbayar bersih kekal pada 2.2% sejak bulan Disember 2008. Keuntungan sebelum cukai pula kekal pada RM4.8 bilion hasil daripada pendapatan pembiayaan dan perniagaan berkaitan fi yang lebih baik.

Nisbah Kecukupan Modal industri insurans bertambah baik pada 214.8% (S1 09: 210.2%). Keberuntungan sektor ini meningkat kepada RM3.6 bilion didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan premium dan caruman dalam kesemua segmen perniagaan. Namun, aktiviti pasaran modal yang kurang cergas terus memberi sedikit tekanan terhadap paras keberuntungan sektor ini, meskipun pada kadar yang lebih sederhana.

Pertumbuhan dijangka bertambah baik pada separuh tahun kedua 2009

Tanda-tanda bahawa keadaan ekonomi global kian stabil semakin jelas. Kadar kemerosotan aktiviti ekonomi dalam ekonomi maju utama juga lebih sederhana, manakala keadaan dalam pasaran kewangan antarabangsa pula secara amnya bertambah baik. Perkembangan ini adalah hasil daripada kesan terkumpul langkah-langkah dasar meluas yang dilaksanakan untuk menstabilkan pasaran kewangan dan menyokong aktiviti ekonomi. Terdapat juga tanda-tanda bahawa aktiviti ekonomi di rantau ini juga semakin meningkat. Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi dijangka mengambil masa memandangkan kebanyakan ekonomi maju masih lagi melaksanakan proses penyelarasan ketika aktiviti pembayaran balik hutang dalam sektor swasta masih berterusan.

Ekonomi Malaysia masih lagi terjejas oleh aktiviti ekonomi global yang lemah pada suku kedua seperti dicerminkan oleh eksport yang terus merosot dengan ketara. Namun, penunjuk-penunjuk terkini, termasuk pengeluaran perindustrian, pertumbuhan eksport dan keadaan pasaran pekerja menjurus ke arah ekonomi dalam negeri yang semakin stabil. Melangkah ke hadapan, ekonomi dalam negeri dijangka bertambah baik pada separuh tahun kedua hasil daripada pemulihan permintaan dalam negeri berikutan keadaan pasaran pekerja dan sentimen perniagaan dan pengguna yang bertambah baik. Selain itu, pelaksanaan langkah-langkah fiskal yang dipercepat, inflasi yang lebih rendah, akses berterusan kepada pembiayaan serta persekitaran monetari yang akomodatif akan terus menyokong permintaan dalam negeri. Ekonomi global yang semakin stabil juga dijangka menyumbang kepada peningkatan dalam keadaan ekonomi dalam negeri pada separuh tahun kedua 2009.

PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2009

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Tanda-tanda penstabilan dalam ekonomi global semakin jelas

Ekonomi global menunjukkan tanda-tanda penstabilan yang semakin jelas pada suku kedua berikutan pasaran kewangan antarabangsa yang bertambah baik. Walaupun keadaan ekonomi keseluruhan di negara maju masih lagi lemah, kadar kemerosotan aktiviti ekonomi adalah lebih perlahan. Trend yang sama juga dilihat dalam kebanyakan ekonomi serantau berikutan penstabilan dalam eksport dan pengeluaran. Pemulihan secara beransur-ansur dalam keadaan ekonomi global boleh dikatakan sebahagian besarnya disebabkan langkah-langkah dasar yang dilaksanakan untuk menstabilkan sistem kewangan negara maju serta kesan terkumpul rangsangan fiskal dan monetari terhadap kebanyakan ekonomi.

Di **Amerika Syarikat**, KDNK benar menguncup pada suku kedua, namun pada kadar tahunan yang lebih perlahan, iaitu 1% (S1 09: -6.4%). Ini merupakan penguncupan suku tahunan kali keempat berturut-turut dan kemerosotan ekonomi paling lama sejak tahun 1947. Sungguhpun perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi dan eksport bersih yang bertambah baik telah menyokong pertumbuhan, kemerosotan dalam keseluruhan KDNK disebabkan penguncupan berterusan dalam perbelanjaan penggunaan swasta dan pelaburan tetap swasta serta pengurangan dalam inventori. Perbelanjaan penggunaan swasta merosot 1.2% (S1 09: +0.6%) ekoran kadar pengangguran yang terus meningkat sehingga mencecah paras tertinggi dalam masa 26 tahun, iaitu 9.5% pada akhir suku kedua. Sementara itu, penguncupan dalam pelaburan tetap swasta lebih sederhana pada 13.5% (S1 09: -39%) disebabkan kadar kemerosotan pelaburan yang lebih perlahan dalam sektor kediaman dan bukan kediaman. Pengurangan dalam inventori swasta mencakupi hampir empat perlima daripada penguncupan KDNK pada suku kedua berikutan langkah sektor perniagaan untuk terus mengurangkan inventori. Dari segi inflasi, inflasi keseluruhan merosot 0.9% pada suku tersebut (S1 09: -0.2%) disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam harga tenaga dan kos pengangkutan.

Setelah mengalami penguncupan ekonomi selama empat suku tahunan berturut-turut, KDNK benar suku kedua **Jepun** meningkat 3.7% pada asas tahunan (S1 09: -11.7%) berikutan prestasi eksport bersih dan penggunaan swasta yang bertambah baik. Pengeluaran perindustrian mencatat kejatuhan lebih perlahan pada 27.9% pada suku kedua (S1 09: -34.5%) mencerminkan eksport bersih yang lebih baik, yang sebahagian besarnya disebabkan pembinaan semula inventori dan juga penurunan yang lebih kecil dalam eksport ke RR China. Meskipun kadar pengangguran makin meningkat (S2 09: 5.2%, S1 09: 4.4%) dan sentimen pula lemah, penggunaan swasta mendapat rangsangan daripada pembayaran tunai dan subsidi di bawah pakej rangsangan fiskal. Dari segi inflasi, harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) merosot 1% (S1 09: 0%), mencerminkan kejatuhan harga komoditi yang ketara dan keadaan permintaan yang lembap.

Kawasan euro mencatat penguncupan tahunan yang lebih perlahan iaitu 4.6% pada suku kedua (S1 09: -4.9%), berikutan kesan positif langkah rangsangan terhadap aktiviti ekonomi di Jerman dan Perancis. Pada asas suku tahunan, Jerman dan Perancis masing-masing mencatat pertumbuhan 0.3% pada suku kedua (S1 09 pertumbuhan suku tahunan Jerman: -3.5%; Perancis: -1.3%). Penunjuk berasaskan sentimen seperti Indeks Pembelian Pengurus dan Penunjuk Sentimen Ekonomi juga menjurus ke arah tanda-tanda penstabilan pada suku tersebut. Dari segi inflasi, harga pengguna terus sederhana pada 0.2% pada suku kedua (S1 09: 1%) disebabkan kejatuhan

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2008		2009			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S2
	S2	ST1	S1	S2	ST1	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	1.5	1.8	-6.4[d]	-1.0[a]	-3.6[a]	Penurunan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan sektor swasta, di samping pengurangan inventori yang berterusan. Walau bagaimanapun, eksport bersih dan perbelanjaan sektor awam menyumbangkan secara positif kepada pertumbuhan.
UK	1.8	2.2	-4.9[d]	-5.6[p]	-5.3[p]	Semua sektor, khususnya sektor perkhidmatan, merosot.
Kawasan euro	1.5	1.8	-4.9	-4.6[p]	-4.8[p]	Disebabkan aktiviti ekonomi di Jerman dan Perancis yang bertambah baik.
Jepun[1]	-4.3	1.0	-11.7[d]	3.7[p]	-7.6[p]	Disebabkan penggunaan swasta dan eksport bersih yang bertambah baik.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

harga komoditi. Sementara itu, KDNK benar **UK** pada suku kedua menguncup 5.6% pada asas tahunan (S1 09: -4.9%), penguncupan terburuknya sejak tahun 1955. Pertumbuhan terjejas oleh penguncupan yang nyata dalam sektor perkhidmatan ekoran aktiviti subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan yang lebih lemah serta kemerosotan berterusan dalam sektor perkilangan. Dari segi inflasi, harga pengguna menjadi sederhana kepada 2.1% pada suku kedua (S1 09: 3%) disebabkan penurunan harga makanan dan minuman tidak beralkohol.

Bank-bank pusat ekonomi maju utama terus mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif dan melaksanakan langkah-langkah memperkukuh sistem kewangan pada suku kedua. Di **AS**, dengan kadar dana *fed* kekal pada 0 – 0.25%, beberapa perubahan dibuat terhadap langkah-langkah untuk menyokong sektor kewangan. Ini termasuk pelanjutan tempoh pemberian *Primary Dealer Credit Facility and Commercial Paper Funding Facility* sehingga bulan Februari 2010 untuk menyokong pembiayaan jangka pendek, dan juga pengurangan peruntukan bagi *Legacy Securities Program of the Public-Private Investment Program* (yang bertujuan untuk memansuhkan aset lapuk) daripada saiz asal USD500 bilion – USD1 trilion kepada USD30 bilion. Di Jepun, walaupun kadar panggilan semalaman tidak bercagar kekal pada 0.1%, **Bank of Japan** melanjutkan tempoh pemberian dana kecemasan sokongan korporatnya sehingga bulan Disember 2009. **Bank of England** juga mengekalkan kadar pinjaman asasnya pada 0.5% pada suku kedua sambil menambah *Asset Purchase Facility* sebanyak dua kali, iaitu sebanyak £50 bilion pada bulan Mei dan £50 bilion lagi pada bulan Ogos hingga menjadikan jumlahnya kepada £175 bilion. Sementara itu, **European Central Bank** mengurangkan kadar pembiayaan semulanya kepada 1% pada bulan Mei 2009 dan memulakan program pembelian bon perlindungan berjumlah €60 bilion pada awal Julai untuk menyuntik mudah tunai ke dalam sistem kewangan.

Pada suku kedua, **harga minyak mentah**[2] dunia meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh sembilan bulan kepada USD72 setong pada pertengahan bulan Jun. Kenaikan harga ini didorong terutamanya oleh kesanggupan untuk mengambil risiko yang lebih tinggi dalam kalangan pelabur, manakala faktor utama permintaan-penawaran minyak mentah masih lagi lemah. Meskipun harga naik mendadak pada bulan Jun, harga minyak mentah purata masih lagi sekitar USD60 setong pada suku itu (S1 09: USD40 setong).

Beberapa ekonomi di **rantau Asia** seperti Korea, Singapura, China Taipei, Hong Kong SAR dan Thailand mencatat penurunan lebih kecil dalam pertumbuhan tahunan KDNK benar pada suku kedua berikutan penstabilan

[2] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2008		2009			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S2
	S2	ST1	S1	S2	ST1	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	10.1	10.4	6.1	7.9	7.0	Disokong oleh pelaburan yang dipacu oleh rangsangan fiskal dan monetari yang besar.
Indonesia	6.3	6.4	4.4	4.0	4.2	Disokong oleh penggunaan dan perbelanjaan kerajaan.
Korea	4.3	4.9	-4.2	-2.5[a]	-3.4	Disokong oleh pertumbuhan eksport dan perbelanjaan isi rumah yang bertambah baik.
Singapura	2.5	4.6	-9.5[d]	-3.5	-6.5	Disokong oleh penguncupan sektor perkilangan yang lebih perlahan disebabkan kenaikan ketara dalam pengeluaran bioperubatan.
Hong Kong SAR	4.1	5.7	-7.8	-3.8	-5.8	Disokong oleh penguncupan eksport yang lebih perlahan.
Thailand	6.0	5.7	-7.1	-4.9	-6.0	Disokong oleh perbelanjaan kerajaan dan penggunaan swasta.
China Taipei	4.6	5.4	-10.1	-7.5[p]	-8.8	Disokong oleh sumbangan positif daripada penggunaan swasta, di samping kesan negatif yang lebih kecil daripada pembentukan modal tetap kasar.

[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

dalam pengeluaran dan eksport. Pada asas suku tahunan, Singapura, China Taipei, Hong Kong SAR dan Thailand masing-masing mencatat pertumbuhan positif 20.7%[3], 20.7%[3], 3.3%[4] dan 2.3%[4]. RR China terus mendahului pertumbuhan serantau dengan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi daripada jangkaan, iaitu 7.9% (S1 09: 6.1%). Pertumbuhan RR China ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dalam pelaburan yang mendapat sokongan daripada kesan rangsangan fiskal yang besar. Dengan kebanyakan negara serantau seperti Thailand, China Taipei, RR China, Singapura dan Hong Kong SAR secara teknikalnya telah pun mengalami deflasi, bank-bank pusat di seluruh Asia terus mengekalkan dasar monetari yang akomodatif. Pada suku tersebut, Thailand mengurangkan kadar faedah dasarnya sebanyak 25 mata asas, sementara Indonesia dan Filipina pula mengurangkan kadar faedah masing-masing sebanyak 75 mata asas bagi menyokong aktiviti ekonomi.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, kesemua mata wang utama menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku kedua disebabkan kesanggupan untuk mengambil risiko yang lebih tinggi dalam kalangan pelabur global berikutan pemulihan dalam pasaran ekuiti global. Namun, menjelang akhir suku tersebut, dolar AS mulai kukuh sedikit berbanding dengan euro dan yen Jepun berikutan kebimbangan mengenai keadaan ekonomi di kawasan euro dan Jepun yang secara relatif lemah berbanding dengan AS. Mata wang serantau juga menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku kedua terutamanya disebabkan sentimen pelabur yang semakin baik berikutan penstabilan dalam eksport dan pengeluaran serantau. Yang ketara ialah rupiah Indonesia nyata lebih kukuh berbanding dengan dolar AS berikutan keadaan ekonomi dan perkembangan politik di negara itu yang menggalakkan.

Melangkah ke hadapan, tanda-tanda penstabilan adalah semakin jelas seperti ditunjukkan oleh penunjuk ekonomi bagi kebanyakan ekonomi pada bulan Julai dan awal Ogos. Perkembangan ini lantas menyarankan bahawa keadaan ekonomi global dijangka terus bertambah baik pada separuh kedua tahun ini. Namun, prospek pertumbuhan yang mapan banyak bergantung pada pemulihan dalam permintaan sektor swasta dalam ekonomi maju, yang perlu ada bagi membolehkan penerusan semula aktiviti pemberian pinjaman oleh institusi kewangan. Faktor ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi prospek pertumbuhan bagi rantau Asia.

[3] Kadar suku tahunan yang diselaraskan secara tahunan.

[4] Kadar suku tahunan yang diselaraskan.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan suku kedua menguncup dengan lebih sederhana

Ekonomi Malaysia menguncup pada kadar yang lebih sederhana, iaitu 3.9% pada suku kedua (S1 09: -6.2%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan awam yang lebih tinggi dan pertumbuhan positif dalam penggunaan swasta. Namun, pertumbuhan ekonomi terus dipengaruhi oleh kemerosotan dalam permintaan luar negeri dan aktiviti pelaburan swasta yang lemah. Kemerosotan dalam permintaan luar negeri mencerminkan permintaan global yang lemah dan ini telah diburukkan lagi oleh kesan asas (base effect) yang tinggi berikutan prestasi eksport yang kukuh pada suku kedua 2008. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat prestasi yang lebih baik.

Permintaan dalam negeri menguncup dengan lebih perlahan

Pada suku kedua, **permintaan dalam negeri** menguncup dengan lebih perlahan pada kadar 2.3% (S1 09: -2.9%) berikutan perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi dan pengembangan penggunaan swasta.

Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan positif 0.5% (S1 09: -0.7%) pada suku kedua memandangkan keadaan pasaran pekerja yang mulai stabil dan paras harga yang lebih rendah terus menyokong perbelanjaan pengguna. Sentimen pengguna juga bertambah baik pada suku kedua, seperti ditunjukkan oleh Indeks Sentimen Pengguna MIER yang lebih tinggi (105.8 mata; S1 09: 78.9 mata). Penunjuk penggunaan utama juga meningkat dengan nyata berbanding dengan suku sebelumnya. Antaranya ialah perbelanjaan kad kredit, import barangan penggunaan, jualan makanan dan minuman yang diproses serta jualan kereta penumpang baharu.

Penggunaan awam berkembang sebanyak 1% hasil daripada peningkatan dalam perbelanjaan terhadap bekalan dan perkhidmatan serta emolumen untuk sektor perkhidmatan awam.

Pembentukan modal tetap kasar menguncup 9.8% pada suku kedua disebabkan terutamanya oleh kemerosotan ketara yang berterusan dalam pelaburan swasta. Permintaan luar negeri yang lemah dan kapasiti penggunaan yang lebih rendah daripada biasa terus menjejaskan aktiviti pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan. Penunjuk pelaburan utama seperti import barangan modal, jualan

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	8.4	9.1	-2.9	-2.3	-2.6
Penggunaan	9.6	10.7	-0.2	0.6	0.2
Sektor swasta	*9.4*	*10.3*	*-0.7*	*0.5*	*-0.1*
Sektor awam	*10.3*	*12.1*	*2.1*	*1.0*	*1.6*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	5.6	5.1	-10.8	-9.8	-10.3
Eksport Bersih	19.9	23.9	39.1	-0.7	19.1
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*9.5*	*7.7*	*-15.2*	*-17.3*	*-16.3*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*8.1*	*5.7*	*-23.5*	*-19.7*	*-21.5*
KDNK	**6.6**	**7.0**	**-6.2**	**-3.9**	**-5.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen perniagaan dan pengguna bertambah baik



Sumber: MIER

kenderaan perdagangan dan jualan keluaran perkilangan berkaitan pembinaan juga terus jatuh lantas menyarankan bahawa aktiviti perbelanjaan modal sektor swasta adalah lembap. Namun, perbelanjaan pembangunan sektor awam yang lebih tinggi dalam sektor pendidikan, perdagangan dan perindustrian serta pertanian dan pembangunan luar bandar telah sedikit sebanyak menyokong keseluruhan aktiviti pelaburan. Sentimen perniagaan menjadi bertambah baik menjelang akhir suku kedua, seperti dicerminkan oleh peningkatan yang nyata dalam Indeks Keadaan Perniagaan MIER kepada 105.2 mata (S1 09: 61.1 mata).

Prestasi semua sektor ekonomi lebih baik

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat prestasi yang lebih baik pada suku kedua. Sektor perkhidmatan pulih semula untuk mencatat pertumbuhan positif, disokong terutamanya oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam subsektor kewangan dan insurans; dan pemulihan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, serta harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Sektor perkilangan mencatat penguncupan lebih kecil disebabkan peningkatan dalam pengeluaran untuk menambah semula inventori dan menghasilkan barangan penggunaan akhir dalam negeri. Sementara itu pertumbuhan sektor pembinaan lebih tinggi hasil daripada pelaksanaan projek-projek di bawah pakej rangsangan fiskal yang dipertingkat. Sektor pertanian pula pulih semula untuk mencatat pertumbuhan positif. Prestasi sektor ini yang lebih baik ialah hasil daripada pengeluaran tanaman makanan yang terus kukuh dan penguncupan pengeluaran tanaman perindustrian yang lebih kecil. Sektor perlombongan juga menyusut, namun pada kadar yang lebih sederhana sejajar dengan penguncupan dalam pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih kecil.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	6.3	6.4	-4.3	0.3	-2.0
Perlombongan	-0.5	1.6	-5.2	-2.6	-3.9
Perkilangan	5.6	6.3	-17.9	-14.5	-16.2
Pembinaan	3.9	4.5	1.1	2.8	2.0
Perkhidmatan	7.9	8.2	-0.2	1.6	0.7
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**6.6**	**7.0**	**-6.2**	**-3.9**	**-5.1**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**2.3**	**0.2**	**-7.8**	**4.8**	**-7.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan positif

Sektor perkhidmatan meningkat 1.6% pada suku kedua selepas mengalami penguncupan kecil 0.2% pada suku pertama. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh pengembangan dalam subsektor kewangan dan insurans; dan pemulihan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, serta harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Subsektor **kewangan dan insurans** terus berkembang 3.3% berikutan pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi ekoran aktiviti dalam pasaran ekuiti yang lebih cergas serta pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi. Sebagai mencerminkan peningkatan aktiviti penggunaan, subsektor **perdagangan borong dan runcit** pulih semula untuk mencatat pertumbuhan 0.4%. Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** juga mencatat pertumbuhan positif 3% sejajar dengan aktiviti berkaitan pasaran modal yang meningkat.

Subsektor **utiliti** mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak 1.1% berikutan permintaan terhadap elektrik yang lebih tinggi oleh pengguna industri dan komersial. Sementara itu, subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** merosot lagi sebanyak 6.4% ekoran kelembapan sektor luar negeri yang mengakibatkan pengurangan permintaan terhadap perkhidmatan berkaitan kargo.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2008 (%)	2008		2009		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.3**	**6.8**	**7.6**	**-0.7**	**2.1**	**0.7**
Kewangan & insurans	20.0	7.5	8.7	1.2	3.3	2.3
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.4	3.8	4.3	-6.7	3.0	-1.8
Pengangkutan & penyimpanan	7.0	8.1	9.0	-4.0	-6.4	-5.2
Komunikasi	7.0	7.9	7.7	4.9	5.8	5.3
Perkhidmatan Akhir	**56.7**	**8.8**	**8.7**	**0.3**	**1.2**	**0.8**
Utiliti	5.3	4.1	4.4	-8.1	-1.1	-4.6
Perdagangan borong & runcit	23.2	12.7	12.3	-1.7	0.4	-0.6
Penginapan & restoran	4.4	7.3	8.6	2.1	2.9	2.5
Perkhidmatan Kerajaan	13.4	7.9	7.4	2.8	0.5	1.6
Perkhidmatan lain	10.4	5.3	5.1	5.2	4.5	4.9
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**7.9**	**8.2**	**-0.2**	**1.6**	**0.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2008				2009	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	115.5	70.6	88.9	71.4	78.9	105.8
Indeks Perdagangan Runcit MIER	106.1	94.5	116.5	52.7	52.3	76.3
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	120.3	107.5	109.2	94.0	78.1	75.8
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	1.2	3.9	8.2	7.5	2.2	4.7
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	13.2	6.7	2.7	2.1	-4.6	5.2
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.6	9.6	9.7	8.9	8.5	6.8
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	10.1	15.4	14.0	9.0	3.5	-1.8
Import barangan penggunaan	5.6	21.3	16.2	4.5	-4.3	-8.3
Jumlah jualan kenderaan bermotor	24.6	27.1	10.5	-8.3	-9.2	-11.5
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	9.7	9.4	16.4	-3.9	-10.6	-6.4

Sumber: Pelbagai sumber

Sektor perkilangan menguncup lebih perlahan

Sektor perkilangan menguncup lebih perlahan pada 14.5% pada suku kedua (S1 09: -17.9%), mencerminkan aktiviti pengeluaran yang lebih giat untuk menambah semula inventori dan menghasilkan barangan penggunaan akhir dalam negeri.

Penguncupan dalam pengeluaran industri berorientasikan eksport adalah lebih kecil pada suku kedua (-16.4%; S1 09: -20.4%) didorong oleh prestasi lebih baik kelompok E&E dan kelompok berkaitan sumber. Dalam **kelompok E&E**, penguncupan dalam pengeluaran adalah lebih sederhana disebabkan aktiviti menambah semula inventori ekoran pengurangan yang besar dalam pengeluaran dan ambilan inventori pada akhir tahun 2008 dan awal tahun 2009. Para pengeluar, khususnya pengeluar alat ganti dan komponen elektronik, turut mendapat manfaat daripada pakej rangsangan ekonomi RR China yang telah membantu meningkatkan permintaan terhadap keluaran akhir elektronik.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**5.6**	**6.3**	**-17.9**	**-14.5**	**-16.2**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**4.2**	**6.4**	**-18.8**	**-14.9**	**-16.9**
Industri berorientasikan eksport	**2.5**	**4.9**	**-20.4**	**-16.4**	**-18.4**
Kelompok elektronik dan barangan elektrik	**4.6**	**5.7**	**-35.4**	**-30.8**	**-33.1**
Antaranya:					
Elektronik	4.6	7.1	-36.3	-34.6	-35.5
Barangan elektrik	4.5	2.3	-33.2	-21.7	-27.3
Kelompok barangan induk	**1.2**	**4.4**	**-10.8**	**-6.7**	**-8.8**
Antaranya:					
Bahan kimia dan keluaran kimia	-2.3	0.8	-17.6	-3.9	-10.8
Keluaran petroleum	4.0	10.4	2.9	-4.6	-0.7
Keluaran getah	7.8	7.3	-21.2	-7.4	-14.3
Pemprosesan luar estet	18.0	20.0	-8.0	-4.5	-6.2
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**10.8**	**12.4**	**-12.4**	**-9.7**	**-11.0**
Kelompok barangan berkaitan pembinaan	**10.0**	**10.8**	**-21.3**	**-16.7**	**-18.9**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	6.8	11.1	-29.3	-23.7	-26.5
Keluaran logam yang direka	15.3	10.4	-7.6	-6.3	-6.9
Kelompok barangan pengguna	**11.5**	**13.7**	**-5.4**	**-3.8**	**-4.6**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	21.9	22.4	-10.7	-14.3	-12.6
Makanan, minuman & keluaran tembakau	11.1	12.1	-4.8	-0.2	-2.6

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan



* Mulai tahun 2009, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula dari nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pengeluaran **kelompok berkaitan sumber** merosot pada kadar lebih kecil pada suku kedua (-6.7%; S1 09: -10.8%) dan ini dilihat dalam kebanyakan segmen utama. Peningkatan dalam kelompok E&E khususnya telah menyokong industri keluaran kimia, terutamanya segmen keluaran plastik. Prestasi industri keluaran getah yang lebih baik adalah disebabkan peningkatan permintaan terhadap sarung tangan getah. Namun, prestasi industri keluaran petroleum adalah lemah memandangkan permintaan dari rantau ini merosot lagi pada suku kedua.

Industri berorientasikan dalam negeri mencatat penguncupan lebih kecil pada suku kedua (-9.7%; S1 09: -12.4%) mencerminkan peningkatan dalam kelompok berkaitan pengguna dan pembinaan. Dalam kelompok berkaitan pengguna, pengeluaran produk makanan, minuman dan tembakau meningkat lantas mengimbangi penguncupan berterusan dalam keluaran kelengkapan pengangkutan berikutan jualan kenderaan bermotor baharu yang lemah. Prestasi kelompok berkaitan pembinaan yang lebih baik adalah disebabkan terutamanya oleh aktiviti sektor pembinaan yang lebih giat.

Sebagai mencerminkan aktiviti pengeluaran yang meningkat, kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan meningkat kepada 69% pada suku kedua (S1 09: 59%). Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 73% dan 58% daripada jumlah kapasiti (S1 09: masing-masing 61% dan 53%).

Sektor komoditi lebih baik

Sektor pertanian pulih semula untuk mencatat pertumbuhan positif 0.3% pada suku kedua (S2 09: -4.3%). Prestasi yang lebih baik ini disebabkan pengeluaran tanaman makanan yang terus kukuh dan juga penguncupan lebih kecil dalam pengeluaran tanaman perindustrian seperti minyak sawit, getah dan perhutanan. Sementara itu, **sektor perlombongan** menguncup lebih sederhana pada 2.6% (S1 09: -5.2%), berikutan kemerosotan lebih kecil dalam pengeluaran gas asli dan minyak mentah.

Prestasi Sektor Pertanian

	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**6.3**	**6.4**	**-4.3**	**0.3**	**-2.0**
Tanaman Industri	**7.0**	**7.9**	**-13.9**	**-5.1**	**-9.4**
Tanaman Makanan	**5.3**	**4.4**	**9.2**	**7.9**	**8.5**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	21.8	22.8	-3.9	-3.0	-3.4
Getah	-8.1	-4.9	-39.3	-21.7	-31.7
Ikan	1.9	1.2	13.2	14.4	13.8
Ternakan	4.1	2.4	-4.6	-0.4	-2.5

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan, Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor pembinaan lebih tinggi

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada 2.8% (S1 09: 1.1%). Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh permulaan projek-projek berkaitan dengan pakej rangsangan yang lebih giat, khususnya pembinaan bangunan bukan kediaman seperti sekolah, kolej dan hospital. Prestasi subsektor kejuruteraan awam juga lebih menggalakkan berikutan aktiviti yang lebih giat dalam projek infrastruktur seperti pembinaan jalan kereta api dan jalan raya. Pertumbuhan sektor pembinaan turut disokong aktiviti dalam segmen kediaman, khususnya pembinaan kondominium mewah di Lembah Kelang dan Pulau Pinang.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-0.5**	**1.6**	**-5.2**	**-2.6**	**-3.9**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	3.6	5.3	-5.7	-3.1	-4.4
Gas asli	-6.8	-4.0	-4.7	-2.1	-3.5

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Pembinaan

	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	10.9	2.0	-25.5	-9.1	-16.8
Kelulusan perumahan	28.5	19.0	-30.2	-17.4	-23.7
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	10.0	10.8	-21.3	-16.7	-18.9
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-12.4	20.5	-48.2	-26.3	-38.3
Import bahan pembinaan dan bahan galian	10.6	7.2	-17.1	-7.6[2]	-13.2[3]

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)
[2] Apr-Mei 2009
[3] Jan-Mei 2009

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi terus sederhana

Kadar inflasi keseluruhan yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna ialah 1.3% pada suku kedua 2009 (S1 09: 3.7%). Sama seperti suku sebelumnya, inflasi yang lebih sederhana ini sebahagian besarnya disebabkan inflasi yang rendah dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* dan *pengangkutan*. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* lebih sederhana pada 5.3% (S1 09: 9.2%). Kenaikan harga makanan yang lebih perlahan dicatat dalam semua subkomponen makanan, sebahagiannya disebabkan tekanan yang lebih sederhana terhadap harga makanan. Harga dalam kategori *pengangkutan* pula jatuh 8.2% berbanding dengan paras harga tahun lalu (S1 09: -2.1%). Ini mencerminkan terutamanya kesan asas yang tinggi berikutan kenaikan paras harga yang ketara pada bulan Jun 2008 ekoran pelarasan harga bahan api. Ini berlaku pada hampir seluruh bulan Jun apabila harga dalam kategori pengangkutan merosot 18% (19.6% pada bulan Jun 2008), yang seterusnya menyebabkan inflasi keseluruhan merosot 1.4% (April 09: 3%; Mei 09: 2.4%).

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), merosot 11.0% pada suku kedua (S1 09: -6.6%). Harga komponen IHPR berkaitan komoditi jatuh 28.3% berbanding dengan paras tahun lalu (S1 09: -19.4%). Penurunan dalam harga pengeluar juga meluas, dengan tujuh daripada 10 kategori IHPR mencatat kejatuhan harga berbanding dengan paras harga tahun lalu. Secara purata, harga bagi komponen IHPR bukan berkaitan komoditi menyusut 2.1% (S1 09: -0.7%).

Dari segi komposisi, komponen tempatan dan import IHPR mencatat penurunan. Harga komponen tempatan IHPR menyusut 14.5% (S1 09: -8.5%), manakala bagi komponen import IHPR pula jatuh 3.1% (S1 09: -2.5%).

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan dalam pasaran pekerja menjadi stabil pada suku kedua disebabkan jumlah pemberhentian pekerja yang nyata lebih rendah, serta peluang pekerjaan yang lebih banyak berbanding dengan suku sebelumnya. Jumlah pemberhentian pekerja merosot kepada 7,470 orang (S1 09: 12,590 orang), mencerminkan terutamanya pemberhentian pekerja yang lebih kecil dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sejumlah besar daripada pemberhentian pekerja adalah dalam sektor perkilangan (71% daripada jumlah pemberhentian pekerja), khususnya industri E&E (35% daripada jumlah pemberhentian pekerja).

Jumlah kekosongan jawatan dalam Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) meningkat kepada 317,996 jawatan (S1 09: 221,876 jawatan). Kekosongan adalah lebih tinggi dalam semua sektor kecuali pertanian. Selain itu, penurunan dalam upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan adalah lebih kecil (-0.8%; S1 09: -5.2%) apabila lebih banyak syarikat yang pada mulanya memberhentikan pekerja mereka untuk sementara waktu dan memendekkan waktu bekerja dalam seminggu, telah kembali kepada waktu bekerja biasa.

Keadaan Pasaran Pekerja



* Mencerminkan pelarasan pemberhentian pekerja bagi S3 2008
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Prestasi Perdagangan Luar Negeri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport terus menguncup, manakala import merosot dengan lebih sederhana

Eksport kasar menguncup 26.3% pada suku kedua, mencerminkan penurunan yang ketara dalam permintaan daripada rakan perdagangan utama dan kejatuhan harga komoditi, serta diburukkan lagi oleh kesan asas yang tinggi berikutan prestasi eksport yang kukuh pada suku kedua 2008. Pengeluaran perkilangan yang meningkat dan penambahan semula stok input untuk pengeluaran menyebabkan import menguncup dengan lebih sederhana sebanyak 23.7%. Walaupun lebihan perdagangan lebih kecil, namun dari segi nilai ia kekal besar pada RM26.5 bilion (S1 09: RM32.7 bilion).

Akaun Perdagangan

	2008[1]		2009[1]		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**20.8**	**15.5**	**-20.0**	**-26.3**	**-23.4**
Perkilangan	12.3	5.3	-18.0	-20.5	-19.3
E&E	*10.7*	*0.5*	*-19.0*	*-23.0*	*-21.2*
Bukan E&E	*14.4*	*11.6*	*-16.9*	*-17.3*	*-17.1*
Komoditi	54.3	54.8	-23.8	-40.6	-32.7
Pertanian	*58.8*	*59.9*	*-28.1*	*-29.6*	*-28.9*
Mineral	*51.6*	*51.9*	*-21.1*	*-47.5*	*-35.0*
Import Kasar	**9.9**	**8.4**	**-29.0**	**-23.7**	**-26.3**
Barangan modal	11.3	9.6	-7.8	-17.6	-13.0
Barangan pengantara	10.4	9.7	-34.9	-27.1	-30.9
Barangan penggunaan	21.3	13.4	-4.3	-8.3	-6.4
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**40.6**	**67.5**	**32.7**	**26.5**	**59.2**

[1]Pengelasan perdagangan Malaysia disemak pada April 2008 untuk mencerminkan perubahan dalam kod perdangangan antarabangsa iaitu *Harmonised System* (HS), *ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature* (AHTN) dan *Standard International Trade Classification* (SITC)

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2008		2009			2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**0.0**	**-8.9**	**-31.0**	**-35.1**	**-33.2**	**13.0**	**13.0**	**11.1**	**11.5**	**11.3**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**-3.5**	**-0.7**	**-28.0**	**-26.4**	**-27.2**	**10.7**	**11.3**	**10.7**	**10.7**	**10.7**
Negara ASEAN terpilih[2]	**23.9**	**18.9**	**-26.8**	**-24.1**	**-25.4**	**25.5**	**26.0**	**24.4**	**26.2**	**25.4**
Negara Timur Laut Asia	**35.7**	**19.7**	**-5.9**	**-22.1**	**-15.1**	**21.8**	**20.5**	**22.3**	**23.0**	**22.7**
Republik Rakyat China	*55.3*	*34.4*	*-1.8*	*-16.0*	*-10.2*	*10.4*	*9.4*	*10.2*	*11.8*	*11.0*
Hong Kong SAR	*34.9*	*11.1*	*3.5*	*-23.8*	*-13.4*	*5.1*	*4.4*	*4.7*	*5.2*	*5.0*
China Taipei	*6.3*	*1.2*	*-18.4*	*-29.6*	*-24.6*	*2.6*	*2.5*	*2.4*	*2.5*	*2.4*
Korea	*17.9*	*13.4*	*-14.2*	*-31.2*	*-22.4*	*3.8*	*4.2*	*5.0*	*3.5*	*4.2*
Asia Barat	**38.5**	**32.6**	**-12.7**	**-14.7**	**-13.9**	**3.8**	**3.6**	**3.7**	**4.4**	**4.0**
India	**39.8**	**32.3**	**-14.9**	**-38.9**	**-28.2**	**3.7**	**3.6**	**3.7**	**3.1**	**3.4**
Jumlah eksport	**20.8**	**15.5**	**-20.0**	**-26.3**	**-23.4**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Merujuk kepada Kesatuan Eropah (EU) 27 mulai tahun 2007
[2]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport komoditi terus menguncup pada suku kedua disebabkan harga dan permintaan komoditi, terutamanya mineral, yang lebih rendah. Keadaan ini diperburuk lagi oleh kesan asas yang tinggi kerana harga komoditi yang tinggi pada suku kedua 2008. Sementara itu, penguncupan dalam eksport elektronik adalah disebabkan permintaan yang lebih rendah daripada pasaran utama dan tekanan terhadap harga. Namun, eksport barangan elektrik menyusut pada kadar yang lebih sederhana disebabkan terutamanya oleh penguncupan yang lebih kecil dalam eksport barangan elektrik pengguna. Penguncupan yang berterusan dalam eksport barangan perkilangan bukan E&E mencerminkan kesan harga komoditi yang lebih rendah dan permintaan luar negeri yang lebih lembap. Sungguhpun eksport kimia dan keluaran kimia, serta keluaran kayu dan keluaran petroleum telah menyebabkan penyusutan dalam keluaran berasaskan sumber, penguncupan dalam eksport keluaran bukan berasaskan sumber disebabkan terutamanya oleh eksport keluaran logam, optik dan kelengkapan saintifik serta keluaran besi dan keluli yang lebih rendah.

Import kasar menguncup pada kadar yang lebih kecil pada suku kedua disebabkan terutamanya oleh penguncupan lebih kecil dalam import barangan pengantara berikutan langkah firma-firma meningkatkan pengeluaran dan menambah semula stok. Sementara itu, import barangan penggunaan dan modal merosot lagi memandangkan sektor isi rumah masih bersikap berhati-hati dalam perbelanjaan terhadap barangan import, manakala sektor perniagaan mengurangkan perbelanjaan modal memandangkan terdapat kapasiti berlebihan dan prospek pertumbuhan permintaan yang tidak menentu.

Aliran masuk pelaburan langsung asing lebih tinggi

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI)[5] lebih tinggi pada RM10.4 bilion pada suku kedua (S1 09: RM6.8 bilion), mencerminkan terutamanya aliran masuk modal ekuiti. FDI bersih berjumlah RM6.7 bilion (S1 09: RM2.1 bilion) dan disalurkan terutamanya ke dalam sektor minyak dan gas serta perkilangan. FDI dalam sektor minyak dan gas mencerminkan terutamanya pelaburan dalam pengeluaran petroleum dan gas asli, manakala FDI dalam sektor perkilangan pula disalurkan terutamanya ke dalam pengeluaran produk petroleum dan sel solar (solar cells).

[5] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM0.9 bilion (S1 09: -RM2.8 bilion). Pelaburan tertumpu pada sektor perkhidmatan, terutamanya kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta komunikasi.

Aliran keluar bersih **pelaburan portfolio** pula berjumlah RM15 bilion (S1 09: -RM9.6 bilion), terutamanya disebabkan matangnya Bon Global (1999) Kerajaan Persekutuan berjumlah USD1.5 bilion. Tidak termasuk bon ini, aliran keluar bersih ekuiti dan sekuriti hutang pada amnya tidak berubah.

Hutang luar negeri berkurang

Pada akhir bulan Jun 2009, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM233.3 bilion atau USD65.5 bilion (akhir bulan Mac 2009: RM247.7 bilion atau USD67.1 bilion). Jumlah ini bersamaan dengan 33.6% daripada Pendapatan Negara Kasar. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** berkurang kepada RM147 bilion, mencerminkan terutamanya pembayaran balik bersih oleh sektor awam dan penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS pada suku itu. Kerajaan Persekutuan dan PABK membuat pembayaran balik kasar yang lebih tinggi berikutan matangnya beberapa peminjaman besar dan juga untuk bayaran balik pokok pinjaman mengikut jadual. Sementara itu, sektor swasta mencatat ambilan bersih yang kecil sebanyak RM0.2 bilion.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** lebih rendah pada RM86.3 bilion atau USD24.2 bilion memandangkan aktiviti peminjaman antara bank adalah lebih sederhana. Pada akhir bulan Jun 2009, hutang jangka pendek mencakupi 37% daripada jumlah hutang luar negeri dan 26.8% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2008	2009	
	akhir Jun	akhir Mac	akhir Jun[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	139.2	159.5	147.0
Sektor awam	73.7	85.1	72.9
Sektor swasta	65.5	74.4	74.1
Hutang jangka pendek[1]	96.1	88.1	86.3
Jumlah hutang luar negeri	235.3	247.7	233.3
bersamaan USD bilion	71.3	67.1	65.5

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit milik bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM322.9 bilion (bersamaan dengan USD91.5 bilion) pada 30 Jun 2009. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perolehan daripada pertukaran asing, berikutan pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku itu. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang jangka pendek. Pada 14 Ogos 2009, rizab berjumlah RM322.2 bilion (bersamaan dengan USD91.4 bilion). Jumlah rizab ini memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah perbelanjaan lebih tinggi berikutan pelaksanaan rangsangan fiskal yang lebih pesat

Pada suku kedua, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah lebih besar pada RM51.5 bilion (S1 09: RM42.6 bilion). Ini mencerminkan usaha Kerajaan untuk mempercepat penggunaan peruntukan di bawah rangsangan fiskal. Khususnya, perbelanjaan pembangunan yang lebih besar disalurkan ke dalam sektor pendidikan, perdagangan dan perindustrian serta pertanian dan pembangunan luar bandar. Perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi adalah terutamanya untuk pembayaran geran dan pindahan kepada badan berkanun serta untuk bekalan dan perkhidmatan. Memandangkan hasil Kerajaan Persekutuan meningkat dengan sederhana, kedudukan kewangannya mencatat defisit fiskal sebanyak RM12.1 bilion (7.5% daripada KDNK) pada suku itu. Defisit fiskal ini dibiayai oleh peminjaman dalam negeri termasuk melalui terbitan Sukuk Simpanan Rakyat berjumlah RM5 bilion. Pada akhir bulan Jun 2009, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM335.7 bilion atau 48.4% daripada KDNK yang diunjurkan bagi tahun 2009.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	39.9	67.8	35.9	39.4	75.2
% pertumbuhan	16.6	16.1	28.3	-1.2	10.9
Perbelanjaan mengurus	32.9	63.3	34.4	39.4	73.7
% pertumbuhan	32.6	36.2	12.9	19.8	16.5
Akaun semasa	**7.0**	**4.5**	**1.5**	**0.0**	**1.5**
% daripada KDNK	***3.7***	***1.2***	***1.0***	***0.0***	***0.5***
Perbelanjaan pembangunan kasar	9.0	14.3	8.2	12.1	20.3
% pertumbuhan	43.8	23.5	55.4	34.9	42.5
Imbangan keseluruhan	**-1.9**	**-9.6**	**-6.7**	**-12.1**	**-18.7**
% daripada KDNK	***-1.0***	***-2.6***	***-4.3***	***-7.5***	***-5.9***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	41.8	77.6	42.6	51.5	94.1
% pertumbuhan	34.8	33.7	19.2	23.0	21.3
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	285.1	285.1	317.1	335.7	335.7
% daripada KDNK	38.6	38.6	45.7	48.4	48.4
Hutang dalam negeri	266.8	266.8	297.0	321.5	321.5
% daripada KDNK	36.1	36.1	42.8	46.3	46.3
Hutang luar negeri	18.4	18.4	20.2	14.3	14.3
% daripada KDNK	2.5	2.5	2.9	2.1	2.1

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 2.00% pada suku kedua, sejajar dengan penilaian bahawa pelonggaran dasar monetari adalah memadai untuk merangsang aktiviti ekonomi dalam jangka sederhana.

Sejajar dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman purata adalah stabil, bergerak dalam julat kecil 1.99% hingga 2.01% pada tempoh 1 April – 20 Ogos 2009. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga stabil.

Dari segi kadar pinjaman runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 5.53%. Walau bagaimanapun, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul terus menurun pada suku kedua ke paras rendah iaitu 5.02% pada bulan Mei 2009, sebelum stabil pada 5.04% pada bulan Jun 2009. Trend menurun yang berterusan dalam ALR bagi pinjaman terkumpul mencerminkan kontrak pinjaman baharu pada kadar yang lebih rendah berikutan penurunan OPR, manakala pinjaman sedia ada yang lebih mahal pula telah dibayar balik.

Kadar Faedah

	2008	2009	
	S2	S1	S2
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.50	3.25	2.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.49	2.00	1.99
1 bulan	3.56	2.06	2.09
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.72	5.53	5.53
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	6.08	5.16	5.04
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.14	2.04	2.05
12 bulan	3.70	2.52	2.52

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dari segi kadar deposit runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bagi bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Jun, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan masing-masing berada dalam julat 2.02% hingga 2.52%. Kadar FD benar telah bertukar positif untuk semua tempoh pemegangan apabila kadar inflasi yang negatif dicatat pada bulan Jun 2009.

M3 meningkat pada kadar lebih sederhana

Agregat monetari terus mencatat peningkatan tahunan yang sederhana pada suku kedua, mencerminkan penyederhanaan aktiviti ekonomi. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM5.9 bilion pada suku kedua. Pada asas tahunan, M1 berkembang pada kadar 5.5% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2009: 3.5%).

Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 5.8% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2009: 7.3%). Pada asas suku tahunan, M3 meningkat sebanyak RM1.6 bilion. Peningkatan kredit merupakan pendorong utama pertumbuhan M3. Ini termasuk pembiayaan yang lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada Kerajaan dan sektor swasta. Walau bagaimanapun, faktor yang memberikan kesan pengembangan ini

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2008		2009	
	S2	Tahun	S1	S2
	RM bilion			
M3	**14.7**	**99.1**	**17.4**	**1.1**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-5.1	33.6	5.7	5.8
Tuntutan terhadap sektor swasta	26.1	94.2	5.3	8.7
Pinjaman	*23.5*	*76.9*	*4.5*	*7.9*
Sekuriti	*2.7*	*17.3*	*0.8*	*0.8*
Aset asing luar bersih[1]	2.9	-46.1	3.7	-5.7
BNM	*15.9*	*-12.4*	*-4.3*	*-1.7*
Sistem perbankan	*-13.0*	*-33.7*	*8.1*	*-4.0*
Pengaruh lain	-9.3	17.4	2.7	-7.7

[1]Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

sebahagiannya diimbangi oleh aliran keluar asing bersih. Pengaruh lain juga mencatat penurunan sebanyak RM7.4 bilion pada asas suku tahunan, terutamanya mencerminkan langkah pemerolehan modal oleh bank-bank pada bulan April.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta meningkat pada suku kedua

Aktiviti pembiayaan sektor swasta meningkat pada suku kedua berbanding dengan suku pertama. Keadaan monetari yang lebih akomodatif sejak akhir tahun 2008 telah membantu mengekalkan aktiviti pembiayaan pada suku itu. Kadar pinjaman adalah pada tahap terendah dalam sejarah dan mudah tunai pula lebih daripada mencukupi. Bank-bank terus memainkan peranan sebagai pengantara kewangan yang aktif berikutan kedudukan kewangan masing-masing yang kukuh. Digabungkan dengan langkah dasar yang meluas yang disasarkan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM183.4 bilion pada suku kedua (S1 09: RM157.4 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat 8% setahun pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2009: 10.7%).

Pembiayaan yang diberikan oleh sistem perbankan adalah lebih tinggi. Pada suku kedua, peningkatan pengeluaran pinjaman disokong terutamanya oleh ambilan pinjaman yang lebih tinggi oleh sektor isi rumah bagi pembelian harta kediaman dan kereta serta untuk perbelanjaan kad kredit dan pinjaman peribadi. Pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM9.4 bilion pada suku kedua dan meningkat pada kadar tahunan 9.1% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2009: 9.3%). Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan adalah mampan dalam kesemua sektor. Walau bagaimanapun, pinjaman perniagaan terkumpul menurun pada suku kedua berikutan pembayaran balik pinjaman perniagaan yang jauh lebih tinggi, mencerminkan terutamanya penyelesaian pinjaman oleh sebuah syarikat dalam sektor telekomunikasi. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 3.7% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2009: 9.5%).

Terdapat tanda-tanda bahawa persekitaran kadar faedah yang rendah telah membantu merangsang permintaan terhadap pembiayaan. Dalam sektor isi rumah, kadar pinjaman yang kompetitif bagi pinjaman harta benda telah merangsang permintaan terhadap pinjaman untuk pembelian atau pembiayaan semula harta kediaman dan bukan kediaman. Permintaan terhadap pembiayaan baharu daripada sektor perniagaan juga telah meningkat pada suku kedua. Peningkatan ini merangkumi semua sektor utama, iaitu kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; perkilangan; perdagangan borong dan runcit serta sektor pembinaan dan terutamanya untuk membiayai keperluan modal kerja. Peningkatan permintaan terhadap pembiayaan baharu daripada sektor perniagaan dan sektor isi rumah menunjukkan bahawa aktiviti pembiayaan pada masa hadapan dijangka meningkat, sejajar dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2008	S2 08	S1 09	S2 09	2008	S1 09	S2 09
Jumlah pembiayaan kasar	**688.6**	**181.1**	**157.4**	**183.3**	**6.1**	**-1.3**	**1.2**
Pengeluaran pinjaman*	640.3	162.5	148.2	153.8	11.3	-2.2	-5.3
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	42.9	16.9	9.0	18.0	-35.5	39.1	6.6
Ekuiti	5.5	1.7	0.1	11.5	-23.1	-89.3	578.2
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**110.1**	**40.8**	**7.8**	**20.3**	**12.7**	**10.7**	**8.0**
Sistem perbankan	87.2	26.2	8.7	7.4	12.4	10.9	8.0
Pinjaman terkumpul (A)	*82.3*	*24.3*	*7.3*	*8.9*	*12.8*	*10.9*	*8.3*
Pegangan PDS	*4.9*	*1.9*	*1.4*	*-1.5*	*8.6*	*11.2*	*5.0*
PDS terkumpul (B)	27.8	16.5	0.5	11.4	12.4	9.9	7.2
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	49.7	19.7	9.3	19.3	-28.4	-7.4	-1.9

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2008	S2 08	S1 09	S2 09	2008	S2 08	S1 09	S2 09
Jumlah								
Permohonan pinjaman	475.5	127.5	108.2	138.5	3.9	6.7	-2.5	8.6
Kelulusan pinjaman	291.8	80.4	58.9	77.0	-2.3	-3.4	-17.8	-4.2
Pengeluaran pinjaman	640.3	162.5	148.2	153.8	11.3	18.8	-2.2	-5.3
Bayaran balik pinjaman	568.1	139.8	138.0	148.2	9.5	13.7	-0.7	6.0
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	82.3	24.3	7.3	8.9	12.8	11.7	10.9	8.3
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	244.3	64.2	52.0	64.3	-7.0	-10.9	-6.1	0.1
Kelulusan pinjaman	147.9	40.9	26.1	34.7	-18.5	-24.0	-31.5	-15.1
Pengeluaran pinjaman	455.7	115.6	100.8	102.7	12.3	19.9	-5.2	-11.2
Bayaran balik pinjaman	403.1	99.3	93.5	102.4	8.9	13.6	-4.1	3.1
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	34.4	14.0	-1.2	-1.0	13.2	14.3	9.5	3.7
PKS**								
Permohonan pinjaman	100.3	27.8	20.2	26.2	1.2	16.5	-16.1	-6.0
Kelulusan pinjaman	54.0	15.9	8.9	11.3	-2.0	11.0	-30.6	-29.1
Pengeluaran pinjaman	163.1	41.1	34.7	34.6	15.1	17.5	-11.7	-15.9
Bayaran balik pinjaman	145.6	35.7	32.3	32.0	14.8	12.0	-9.4	-10.3
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	10.6	3.6	-6.8	0.5	9.3	11.3	-0.4	-2.9
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	144.0	36.4	31.8	38.1	-11.9	-24.5	1.7	4.7
Kelulusan pinjaman	93.9	25.0	17.2	23.5	-25.7	-36.7	-32.0	-6.3
Pengeluaran pinjaman	292.6	74.5	66.2	68.1	10.8	21.2	-1.5	-8.6
Bayaran balik pinjaman	257.7	63.6	61.2	70.4	5.8	14.5	-1.0	10.6
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	23.8	10.5	5.6	-1.5	16.2	16.6	17.3	8.7
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	231.2	63.3	56.1	74.2	18.6	33.4	0.9	17.3
Kelulusan pinjaman	143.9	39.4	32.8	42.3	22.9	34.5	-2.2	7.2
Pengeluaran pinjaman	184.6	46.8	47.3	51.1	8.9	16.3	4.9	9.1
Bayaran balik pinjaman	164.9	40.5	44.4	45.8	11.1	13.9	7.2	13.1
Perubahan dalam baki pinjaman terkumpul*	34.8	9.1	5.8	9.4	9.7	9.3	9.3	9.1

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2008	S2 08	S1 09	S2 09		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**455.7**	**115.6**	**100.8**	**102.7**	**66.8**	**45.1**
Syarikat besar	*292.6*	*74.5*	*66.2*	*68.1*	*44.3*	*29.1*
*PKS**	*163.1*	*41.1*	*34.7*	*34.6*	*22.5*	*15.9*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	16.1	4.3	4.2	4.4	2.9	2.3
Perlombongan dan kuari	2.3	0.8	0.7	0.7	0.4	0.3
Perkilangan	151.6	39.9	30.2	30.9	20.1	10.1
Pembinaan	34.8	8.8	8.7	9.1	5.9	4.8
Harta tanah	16.5	3.6	5.2	4.8	3.1	3.9
Bekalan elektrik, gas dan air	2.6	0.5	1.0	0.9	0.6	0.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	114.0	29.7	24.5	25.5	16.6	8.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	17.8	4.0	5.6	5.8	3.8	3.1
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	57.7	15.0	11.4	11.2	7.3	6.7
Isi rumah	**184.6**	**46.8**	**47.3**	**51.1**	**33.2**	**54.9**
Pembelian harta kediaman	47.1	12.0	11.7	12.7	8.3	25.7
Kredit penggunaan	117.2	30.1	29.7	31.4	20.4	21.4
Antaranya:						
Kad kredit	*59.1*	*14.4*	*16.2*	*16.6*	*10.8*	*3.3*
Pembelian kereta penumpang	*33.8*	*9.6*	*7.6*	*7.9*	*5.2*	*13.6*
Lain-lain	20.4	4.8	6.0	7.0	4.6	7.8
Jumlah	**640.3**	**162.5**	**148.2**	**153.8**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal aktif

Pemerolehan dana bersih pada suku kedua meningkat dengan ketara kepada RM45.7 bilion disebabkan oleh sektor awam dan swasta. Pemerolehan dana yang lebih tinggi oleh sektor awam mencerminkan dasar fiskal Kerajaan yang mengembang. Dana diperoleh melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 3 tahun dan 5.5 tahun, Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10.5 tahun, dan pembukaan semula MGS 3 tahun dan 5 tahun. Di samping itu, dana juga diperoleh melalui terbitan Sukuk Simpanan Rakyat, yang menyediakan satu lagi instrumen simpanan untuk rakyat Malaysia. Setelah membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM24.7 bilion.

Aktiviti pemerolehan dana oleh sektor swasta bertambah giat dalam pasaran bon dan ekuiti. Pada suku kedua, dana kasar berjumlah RM19.3 bilion diperoleh melalui pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Sebahagian besar jumlah dana tersebut diperoleh melalui dana kekayaan berdaulat milik kerajaan yang baharu diwujudkan. Penerbit besar lain termasuklah sebuah syarikat tujuan khas (special-purpose vehicle, SPV) untuk entiti berkaitan kerajaan, sebuah syarikat induk pelbagai dan beberapa institusi kewangan. Dua syarikat bukan pemastautin

Dana Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**11.0**	**21.6**	**10.8**	**24.7**	**35.5**
Sekuriti Kerajaan, *bersih*	10.5	21.2	8.8	19.7	28.5
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*7.0*	*21.3*	*20.5*	*12.7*	*33.2*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*3.5*	*5.5*	*6.0*	*10.5*	*16.5*
Tolak: Penebusan	*0.0*	*5.7*	*17.7*	*3.5*	*21.2*
Bon Khazanah, *bersih*	-1.0	-1.0	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	1.5	1.5	2.0	5.0	7.0
Oleh Sektor Swasta	**12.7**	**14.7**	**0.8**	**21.0**	**21.9**
Saham	1.7	3.1	0.1	11.5	11.7
Sekuriti hutang, *bersih*	11.0	11.7	0.7	9.5	10.2
Sekuriti Hutang Swasta	*19.7*	*29.7*	*9.3*	*19.3*	*28.6*
Tolak: Penebusan	*8.7*	*18.0*	*8.6*	*9.8*	*18.4*
Jumlah	**23.7**	**36.4**	**11.6**	**45.7**	**57.4**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

turut membuat terbitan pada suku kedua. Sebahagian besar dana yang diperoleh terutamanya adalah untuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am (87%).

Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti mencatat peningkatan ketara berikutan dua terbitan hak yang besar berjumlah RM11.3 bilion oleh sebuah syarikat telekomunikasi dan sebuah syarikat kewangan pada bulan April. Terbitan hak yang besar ini adalah untuk pembayaran balik hutang dan pembiayaan modal kerja. Di samping itu, terdapat dua penyenaraian baharu di Bursa Malaysia pada bulan Jun berikutan sentimen pasaran yang terus bertambah baik.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon lebih tinggi

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM139.3 bilion pada suku kedua (S1 09: RM132 bilion). Sekuriti Kerajaan (MGS dan GII) mencakupi 90% daripada jumlah urus niaga. Di samping itu, urus niaga sekuriti hutang swasta juga lebih tinggi iaitu mencakupi 10% daripada jumlah urus niaga (S1 09: 8.9%). Dari segi mudah tunai, MGS kekal sebagai kertas paling cair dengan mencatat nisbah kecairan 0.51.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga/ Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kebanyakan pelabur terus mengambil sikap berhati-hati dan memberi tumpuan terutamanya pada instrumen yang bertempoh matang jangka pendek berikutan kebimbangan global terhadap kedudukan fiskal. Tindakan ini menyebabkan mudah tunai pada bahagian keluk kadar hasil MGS jangka panjang berkurang lantas memberikan tekanan menaik terhadap kadar hasil. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar hasil telah berkurang sedikit ekoran trend menurun inflasi. Kadar hasil MGS terus stabil meskipun terdapat penurunan gred penarafan mata wang tempatan jangka panjang Malaysia oleh Fitch Ratings pada 9 Jun. Menjelang akhir bulan Jun 2009, kadar hasil MGS 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak

Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

30 dan 55 mata asas, manakala kadar hasil MGS 3 tahun bertambah sebanyak 6 mata asas, dan menyebabkan keluk kadar hasil semakin curam.

KLCI meningkat dengan ketara pada suku kedua

KLCI mengakhiri suku kedua pada aras lebih tinggi iaitu 1,075.2 mata (S1 09: 872.6 mata) sejajar dengan pasaran serantau lain. Keadaan pasaran kredit global yang bertambah baik dan tanda-tanda pemulihan ekonomi menyokong sikap optimis dan kesanggupan mengambil risiko oleh para pelabur. Di samping itu,

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih (31 Disember 2008 - 30 Jun 2009)



Sumber: Bloomberg

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2008				2009					
	S2		ST1		S1		S2		ST1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	35,927	83,429	89,889	201,473	26,360	39,927	107,707	99,768	134,067	139,695
Antaranya:										
Papan Utama	28,347	80,553	64,835	192,105	22,657	39,075	90,513	95,128	113,169	134,203
Antaranya										
Produk Pengguna	891	2,999	1,822	6,621	675	2,096	3,685	4,158	4,360	6,255
Produk Industri	3,341	6,271	6,750	13,273	3,798	2,401	19,188	13,950	22,986	16,351
Pembinaan	3,326	6,427	8,048	20,248	2,508	2,936	7,252	8,709	9,760	11,645
Dagangan/Khidmat	9,165	28,490	19,549	67,010	8,261	14,423	30,596	33,378	38,857	47,801
Kewangan	2,992	18,139	6,382	40,115	1,903	8,095	7,158	14,424	9,061	22,519
Harta Benda	3,054	3,442	7,288	8,469	2,984	1,895	15,248	9,134	18,232	11,029
Perladangan	1,528	9,922	3,790	23,788	1,085	4,332	2,176	6,843	3,261	11,175
Infrastruktur	952	2,960	2,100	6,631	629	2,405	2,316	3,068	2,945	5,473
Papan Kedua	2,403	1,825	6,502	4,863	1,647	498	7,480	2,754	9,127	3,252
Mesdaq	2,519	858	8,140	3,296	798	193	6,969	1,220	7,766	1,413

Sumber: Bursa Malaysia

sentimen pasaran domestik bertambah positif berikutan pengumuman liberalisasi sektor perkhidmatan dan sektor kewangan dalam negeri serta peningkatan harga minyak sawit mentah yang mampan. Permodalan pasaran meningkat kepada RM817.9 bilion (S1 09: RM662.1 bilion) dan aktiviti urus niaga meningkat dengan urus niaga purata harian sebanyak 1,682.9 juta unit (S1 09: 454.5 juta unit).

Pada 25 Ogos 2009, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,171.1 mata (sejak akhir 2008: +33.6%), dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM889.4 bilion (sejak akhir 2008: +34.0%).

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
Indeks Harga					
Komposit	1,186.6	1,186.6	872.6	1,075.2	1,075.2
FBM30[1]	7,656.7	7,656.7	5,598.5	6,910.0	6,910.0
FBMEMAS[2]	7,900.4	7,900.4	5,701.1	7,206.8	7,206.8
FTSE Papan Kedua	5,535.6	5,535.6	3,872.4	4,754.5	4,754.5
FTSE Mesdaq	4,404.8	4,404.8	2,942.7	4,096.3	4,096.3
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	570.3	570.3	454.5	1,682.9	1,682.9
Nilai (RM juta)	1,324.3	1,324.3	688.4	1,558.9	1,558.9
Permodalan pasaran (RM bilion)	901.2	901.2	662.1	817.9	817.9
Bilangan syarikat yang disenaraikan	986	986	969	960	960

[1] Indeks FTSE Bursa Malaysia 30
[2] Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Ringgit menambah nilai sebanyak 3.5% berbanding dengan dolar AS pada suku kedua, mencerminkan trend keseluruhan mata wang serantau. Pergerakan ringgit mencerminkan keadaan ekonomi dan kewangan dalam negeri dan serantau yang bertambah baik. Ringgit disokong oleh minat yang semakin meningkat terhadap pasaran dalam negara sedang pesat membangun berikutan tanda-tanda prospek pertumbuhan yang lebih kukuh di rantau Asia. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen (1.0%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-10.9%) dan euro (-2.7%). Berikutan wujudnya tanda-tanda pemulihan dalam ekonomi UK, paun sterling pulih dengan ketara berbanding dengan

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 April - 30 Jun 2009)



Sumber: Bank Negara Malaysia

kebanyakan mata wang termasuk ringgit, dan berjaya pulih semula daripada penyusutan nilai yang besar yang dialaminya pada tahun 2008. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (3.5%) dan peso Filipina (3.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain dalam julat 0.9% hingga 8.7%. Ringgit menyusut nilai dengan ketara berbanding dengan rupiah Indonesia dan won Korea memandangkan kedua-dua mata wang tersebut pulih daripada kelemahan ketara yang dialami pada awal tahun 2009. Rupiah menambah nilai berbanding dengan semua mata wang serantau berikutan sentimen positif yang berpunca daripada keadaan ekonomi dalam negeri yang menggalakkan dan hasil keputusan pilihan raya yang memuaskan baru-baru ini di Indonesia. Won Korea juga bertambah kukuh lantaran keadaan ekonomi yang bertambah baik pada suku kedua berikutan eksport dan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Antara 1 Julai hingga 25 Ogos 2009, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 0.3%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling sebanyak 1.7%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-1.7%) dan euro (-1.1%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan peso Filipina (1.1%), baht Thailand (0.3%) dan renminbi China (0.3%), tetapi menyusut nilai antara 0.2% hingga 2.2% berbanding dengan mata wang serantau lain.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S2 08	S1 09	S2 09	21 Jul 05	S2 08	S2 09
Dolar AS	3.8000	3.2665	3.6470	3.5225	7.9	-7.3	3.5
Euro	4.6212	5.1565	4.8348	4.9699	-7.0	3.8	-2.7
Paun sterling	6.6270	6.5114	5.2203	5.8592	13.1	11.1	-10.9
100 yen Jepun	3.3745	3.0749	3.7091	3.6729	-8.1	-16.3	1.0
Dolar Singapura	2.2570	2.3995	2.4008	2.4302	-7.1	-1.3	-1.2
100 baht Thai	9.0681	9.7435	10.266	10.354	-12.4	-5.9	-0.9
100 peso Filipina	6.8131	7.2759	7.5343	7.3111	-6.8	-0.5	3.1
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0354	0.0315	0.0345	12.0	2.8	-8.7
100 won Korea	0.3665	0.3128	0.2630	0.2754	33.1	13.6	-4.5
Renminbi China	0.4591	0.4764	0.5335	0.5155	-10.9	-7.6	3.5

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan terus berdaya tahan, dan disokong oleh permodalan yang kukuh dan keupayaan mengurus risiko yang lebih mantap. Keberuntungan dapat dikekalkan meskipun menghadapi persekitaran ekonomi yang sukar. Dengan penampan kewangan yang kukuh serta diperkuat oleh kedudukan dana dan mudah tunai yang teguh, sektor perbankan terus berupaya memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi.

Sistem Perbankan

	S2 08	S1 09	S2 09
Kedudukan modal			
Aset wajaran risiko (RM bilion)	870.9	886.7	904
Modal asas (RM bilion)	118.5	120.4	126.6
Nisbah modal wajaran risiko (%)	13.6	13.6	14
Nisbah modal teras (%)	10.8	11.6	12.3
Keuntungan sebelum cukai (RM juta)	4,450.1	4,733.3	4,794.7
Nisbah pulangan atas ekuiti (%)	20.6	16.7	16
Nisbah pulangan atas aset (%)	1.6	1.4	1.4

Permodalan adalah kukuh dengan modal yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum meningkat kepada RM50.7 billon (S1 09: RM46 bilion). Permodalan yang kukuh disebabkan oleh perolehan tertahan yang lebih tinggi dan inisiatif pengurusan modal yang proaktif oleh beberapa institusi perbankan. Keuntungan sebelum cukai disokong oleh hasil yang lebih tinggi daripada pembiayaan dan perniagaan berkaitan fi, masing-masing berjumlah RM7.9 bilion dan RM2.1 bilion.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar (NPL)

	S2 08	S1 09	S2 09
	%		
NPL bersih (RM juta)	17,549.9	16,032.9	15,691.6
Nisbah NPL bersih	2.6	2.2	2.2
Nisbah NPL kasar	5.4	4.6	4.5
Perniagaan Besar	6.8	4.8	4.7
PKS	7	6.8	6.9
Isi rumah	4.4	4.1	3.9

Kualiti portfolio pinjaman sebahagian besarnya dapat dikekalkan. Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih mencatat penurunan sebanyak 2.1% kepada RM15.7 bilion terutamanya disebabkan oleh kutipan semula pinjaman yang lebih tinggi dan pengelasan semula pinjaman kepada status berbayar. Dari segi sektor, nisbah NPL yang lebih rendah dipacu oleh penurunan NPL dalam segmen pinjaman isi rumah.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tertunggak



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti portfolio pinjaman yang bertambah baik juga dapat dilihat melalui penyederhanaan dalam kegagalan membayar pinjaman. Pinjaman tertunggak dalam kelompok 1-<2 bulan menurun 4% untuk mencakupi 3.5% daripada jumlah pinjaman (S1 09: 3.7% daripada jumlah pinjaman). Angka ini menunjukkan peningkatan bahagian pinjaman tertunggak dalam kelompok 2-<3 bulan. Melangkah ke hadapan, keadaan pasaran pekerja dan prospek perniagaan dan pengguna yang bertambah baik akan menyokong kesanggupan mengambil risiko kredit yang lebih tinggi.

Sistem Perbankan: Pendedahan Terhadap Risiko Pasaran

	S2 08	S1 09	S2 09
Kedudukan bersih wajaran durasi (RM juta)	5,562	6,373	4,165
% daripada modal asas	5.4	6.2	3.8
Kedudukan terbuka bersih (RM juta)	6,997	5,607	5,377
% daripada modal asas	5.9	4.7	4.2

Pendedahan kepada risiko kadar faedah menurun dengan ketara pada suku kedua hasil daripada perlindungan nilai oleh institusi. Pada masa yang sama, pendedahan kepada risiko pertukaran asing yang sebahagian besarnya dalam dolar AS menjadi sederhana kepada 4.2% daripada modal asas berikutan penambahan nilai ringgit sebanyak 3.5% berbanding dengan dolar AS. Tahap risiko pasaran dijangka kekal terurus memandangkan penggunaan instrumen perlindungan nilai yang aktif oleh institusi perbankan bagi menguruskan pendedahan risiko secara keseluruhan.

Keupayaan sistem perbankan untuk memenuhi tuntutan pengeluaran deposit dan obligasi mudah tunai lain terus kukuh. Penampan mudah tunai bagi kelompok kematangan sehingga satu minggu dan satu bulan kekal lebih daripada mencukupi,

Sistem Perbankan: Nisbah Ketakpadanan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

masing-masing pada 16.3% dan 17.8% daripada jumlah deposit (S1 09: 15.1% dan 19.8%). Sementara itu, nisbah pinjaman berbanding deposit industri terus memuaskan pada 74.1%.

Perkembangan dalam sektor insurans dan takaful

Sektor insurans dan takaful terus berdaya tahan dengan tahap permodalan yang kukuh. Nisbah Kecukupan Modal meningkat kepada 214.8% (S1 09: 210.2%).

Keberuntungan bertambah baik, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan premium dan caruman dalam kesemua segmen perniagaan. Walau bagaimanapun, aktiviti pasaran yang kurang cergas terus memberikan sedikit tekanan terhadap paras keberuntungan, meskipun pada kadar yang lebih sederhana.

Lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan meningkat kepada RM3.2 bilion (S1 09: RM2 bilion), terutamanya disebabkan oleh pertambahan untung modal dan pendapatan pelaburan yang ketara. Keuntungan kendalian bagi perniagaan insurans am mencatat peningkatan yang ketara disebabkan kerugian pengunderaitan yang lebih rendah.

Sektor Insurans dan Takaful: Keberuntungan

	2008		2009		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM juta				
Hayat/keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	2,568.9	5,072.7	2,042.1	3,204.8	5,246.9
Am					
Keuntungan operasi	-10.1	259	306.1	356.1	662.2

Pelancaran Biro Kredit Perusahaan Kecil dan Sederhana
Kuala Lumpur, 16 April 2009

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Pendahuluan

Saya amat berbangga dan berbesar hati kerana dapat hadir pada pagi ini untuk berucap pada majlis pelancaran Biro Kredit Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pembangunan sektor PKS yang kukuh dan dinamik merupakan agenda utama negara bagi menggalakkan sektor PKS yang teguh dan aktif, yang akan menyumbang ke arah menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seimbang. Oleh itu, Malaysia telah melaksanakan program pembangunan PKS yang agresif bagi mengukuhkan daya maju dan keupayaan PKS untuk meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi yang bernilai tinggi.

Sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi telah meningkat sejak lima tahun kebelakangan ini. Malah, sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi dalam sektor perkilangan yang mencakupi 6% daripada keluaran dalam negeri kasar benar pada tahun 2001 telah meningkat kepada 8.4% pada tahun 2005. Sumbangan PKS keseluruhan kepada keluaran dalam negeri kasar meningkat kepada 32%, manakala sumbangan PKS kepada jumlah eksport ialah sebanyak 19%. Pengalaman beberapa negara maju menunjukkan PKS menyumbang sekurang-kurangnya separuh daripada keluaran dalam negeri kasar. Jika sumbangan PKS ini dijadikan sebagai tanda aras, PKS di Malaysia mempunyai potensi besar untuk menambah sumbangan mereka kepada ekonomi negara.

Prospek Ekonomi dan Tindak Balas Dasar

Tahun 2009 merupakan tahun yang dijangka mencabar buat sektor perniagaan. Ekonomi global dijangka terus mengalami kelembapan susulan kemelesetan serentak dalam ekonomi maju. Meskipun prospek pemulihan adalah sangat tidak menentu, langkah rangsangan yang sedang dilaksanakan di seluruh dunia dan langkah untuk menangani krisis kewangan dalam ekonomi maju dijangka menyumbang kepada keadaan ekonomi yang lebih baik pada separuh kedua tahun 2009. Namun, sekiranya kelewatan untuk menangani kelemahan sistem kewangan dalam negara yang dilanda krisis berterusan, ini akan menimbulkan risiko kepada proses pemulihan ekonomi. Hal ini pula akan terus memberikan kesan limpahan yang ketara kepada negara-negara lain di dunia.

Ekonomi Malaysia tidak terlindung daripada perkembangan global ini meskipun negara berjaya mengekalkan kestabilan sistem kewangannya dalam tempoh yang tidak menentu ini. Walaupun tahap keterbukaan ekonomi negara adalah tinggi, perniagaan rakyat Malaysia kurang terdedah kepada hutang asing dengan pendedahan kepada kewangan asing yang amat kecil dan lantaran itu akan lebih berupaya untuk menangani kesan kemelesetan ekonomi global.

Dalam tempoh sedekad ini, Malaysia telah melaksanakan langkah yang agresif untuk menggalakkan permintaan dalam negeri menjadi pemacu pertumbuhan, sekali gus mencapai pertumbuhan yang lebih seimbang. Meskipun sektor eksport masih penting, permintaan dalam negeri telah juga menjadi semakin penting. Dalam persekitaran semasa ini, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan rangsangan fiskal yang ketara untuk mengukuhkan permintaan dalam negeri. Dengan penurunan kadar faedah, kos pinjaman runcit telah menurun ke paras terendah dalam sejarah. Oleh itu, kedua-dua rangsangan fiskal dan persekitaran monetari yang akomodatif dijangka memulihkan keadaan permintaan pada separuh kedua tahun 2009.

Malaysia berjaya mengurangkan kesan kemerosotan global yang menyeluruh terhadap ekonomi dalam negeri melalui perdagangan dengan pelbagai negara. Hubungan

perdagangan dan pelaburan Malaysia dengan negara sedang pesat membangun lain terutamanya di Asia terus terbina sejak beberapa tahun yang lalu. Dengan itu, akses kepada pembiayaan yang mencukupi adalah penting bukan sahaja untuk menyokong permintaan dalam negeri tetapi juga untuk memastikan perniagaan rakyat Malaysia dapat mengambil peluang dalam ekonomi serantau dan global.

Sistem perbankan dalam negeri yang kukuh, serta mudah tunainya yang mencukupi, mempunyai kapasiti yang berpotensi untuk menyediakan akses kepada pembiayaan. Walau bagaimanapun, sesetengah PKS sedang menghadapi tekanan akibat persekitaran semasa yang lebih mencabar. Oleh itu, beberapa langkah awal telah diperkenalkan untuk mempertingkatkan prospek bagi akses kepada pembiayaan. Skim Jaminan Bantuan PKS yang dilancarkan pada 3 Februari 2009 untuk menyediakan perlindungan jaminan sebanyak 80% kepada PKS akan mempertingkatkan akses kepada pembiayaan, di samping memastikan kos pembiayaan yang rendah. Sehingga 5 April 2009, lebih 880 pemohon telah berjaya mendapatkan pembiayaan melalui skim ini dan lebih daripada 790 pemohon masih dalam peringkat penilaian. Dua skim tambahan, Skim Jaminan Modal Kerja dan Skim Jaminan Pembiayaan Penstrukturan Semula Industri telah dilancarkan baru-baru ini untuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi modal kerja dan menyokong pelaburan jangka panjang yang akan meningkatkan produktiviti dan menjana aktiviti nilai tambah yang tinggi.

Langkah untuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan turut diperkukuh melalui penyediaan khidmat nasihat kewangan dan saluran bagi peminjam mendapat bantuan penyelesaian. BNM LINK dan TELELINK yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia dan ABM-Connect yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia bertindak sebagai saluran penting bagi bank dan peminjam untuk berhubung dengan lebih mudah. Langkah-langkah ini turut dilengkapkan dengan rangka kerja keinstitusian untuk menangani pinjaman bermasalah dalam segmen runcit dan perniagaan. Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS), yang diwujudkan pada tahun 2003 untuk memudahkan penyusunan dan penjadualan semula kemudahan kredit bagi perniagaan kecil, kini diperluas agar merangkumi semua PKS berdaya maju yang menghadapi masalah kewangan dengan pemberian pembiayaan daripada pelbagai institusi kewangan.

Peranan Penting Biro Kredit Maklumat

Bank Dunia telah menempatkan Malaysia di tangga teratas di dunia dari segi akses kepada kredit pada tahun 2008. Meskipun negara diberikan penilaian yang membanggakan, usaha akan terus diperhebat untuk memastikan akses ini berterusan, terutamanya dalam tempoh yang lebih mencabar dan tidak pasti ini. Penubuhan Biro Kredit PKS merupakan salah satu langkah untuk memastikan kesinambungan ini. Biro Kredit PKS merupakan unsur penting dalam industri biro kredit maklumat. Oleh itu, PKS digalakkan menyimpan dan menyusun maklumat yang diperlukan bagi mempertingkatkan kemungkinan untuk mendapat akses kepada kredit.

PKS dijangka memperoleh manfaat yang banyak daripada perkhidmatan Biro Kredit PKS. Pertama, Biro Kredit PKS meningkatkan kemampuan PKS untuk membina reputasi kredit mereka daripada pelbagai kelakuan transaksi (transaction behaviours) yang luas, termasuk transaksi dengan pembekal, pelanggan dan penyedia utiliti. Melalui rekod kelakuan transaksi ini, maklumat menyeluruh tentang PKS dijangka dapat disediakan, khususnya buat PKS yang mengakses pembiayaan daripada sektor perbankan buat kali pertama. Kedua, Biro Kredit PKS menggunakan metodologi kredit yang tidak mengambil kira maklumat lama lantas memberikan penilaian lebih adil tentang kepercayaan kredit semasa PKS.

PKS juga harus menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Biro Kredit PKS bagi memahami dengan lebih baik proses penilaian kredit. Pemahaman terhadap proses ini akan memudahkan permohonan pinjaman diproses dengan efisien, serta membolehkan PKS memperoleh terma pembiayaan yang lebih memuaskan daripada institusi kewangan. Pendekatan ini juga dijangka memberikan insentif kepada PKS untuk memupuk budaya kredit yang dapat mempertingkatkan kelayakan mereka untuk memperoleh pembiayaan. Penilaian positif daripada Biro Kredit PKS akan diiktiraf

oleh semua institusi kewangan. Oleh itu, PKS mempunyai lebih banyak pilihan dan dapat membuat perbandingan dan memperoleh terma yang paling memuaskan.

Setelah beberapa tahun, PKS telah menjadi segmen portfolio pinjaman yang makin penting buat institusi kewangan kita. Dengan bertambahnya pendedahan kepada sektor ini, maklumat komprehensif yang disusun oleh Biro Kredit PKS akan menjadi sumber maklumat bernilai yang memudahkan pemantauan dan pengurusan portfolio PKS dengan lebih efisien. Maklumat daripada Biro Kredit PKS juga akan mempercepat penilaian mengenai perkembangan dalam pasaran baharu dan pewujudan pasaran sekunder yang cair, yang seterusnya akan meningkatkan ketersediaan dana kepada PKS.

Sejajar dengan kepentingan segmen PKS dalam keseluruhan portfolio pinjaman, institusi kewangan juga harus mengadakan sesi pertemuan secara tetap dengan persatuan-persatuan PKS agar perkhidmatan kewangan yang disediakan kepada sektor itu dapat terus diubah suai mengikut keperluan khusus sektor tersebut. Dalam tempoh pertumbuhan lebih perlahan yang mencabar pada masa ini, institusi kewangan perlu memahami dan menangani lebih awal masalah yang dihadapi oleh PKS. Institusi kewangan mungkin perlu memberikan fleksibiliti yang lebih meluas dalam menyusun kemudahan pembiayaan PKS termasuk program penyusunan semula dan dalam menyediakan khidmat nasihat kewangan sokongan. Di samping itu, penilaian yang dibuat lebih awal dan pelaksanaan langkah pemulihan yang bersesuaian sebelum keadaan kewangan menjadi bertambah buruk dapat mengelakkan permasalahan lain yang lebih rumit.

Dalam persekitaran yang amat mencabar ini, PKS juga perlu mengambil inisiatif sendiri untuk mengurangkan kos operasi dan mempertingkatkan penambahbaikan produktiviti. Usaha ini melibatkan penilaian dan penganalisisan setiap aspek operasi perniagaan serta mengenal pasti cara memperkemas proses, mengelak pembaziran, menyepadukan aktiviti dan menerapkan teknologi baharu dan proses yang cekap tenaga. Beberapa dana telah ditubuhkan untuk menyokong usaha penambahbaikan ini. Inisiatif lain mungkin termasuk penggemblengan keperluan sumber seperti pembelian bahan mentah bersama bagi memperoleh diskaun secara pukal daripada pembekal dan berkongsi kos pengangkutan. Dewan Perniagaan dan persatuan industri boleh berperanan penting sebagai penyelaras dalam usaha ini. Sesi berkongsi pengalaman juga boleh dianjurkan bersama-sama ahli-ahli PKS yang telah berjaya untuk berkongsi dan bertukar-tukar pengalaman dalam usaha mencapai kecekapan kos dan penambahbaikan produktiviti.

Tidak kurang pentingnya ialah usaha meningkatkan penjanaan nilai dan mencari bidang pertumbuhan perniagaan baharu. Melalui usaha ini, sumber mungkin perlu dialihkan ke bidang perniagaan atau pasaran baharu. Dalam menggembleng usaha untuk mencapai daya saing jangka panjang, seperti yang diperlihatkan melalui pengalaman, kesanggupan berusaha bersungguh, amalan berhemat, kebolehan untuk berubah mengikut keadaan, ketabahan dan kemampuan mencipta semula adalah beberapa ciri PKS yang berjaya dalam ekonomi kita.

Pewujudan Biro Kredit PKS merupakan satu lagi pencapaian penting dalam pembangunan infrastruktur sokongan bagi mengukuhkan sektor PKS. Pewujudan industri biro kredit maklumat sedemikian bermakna kita kini maju setapak lagi dalam menggalakkan proses pengantaraan kewangan yang lebih efisien dan berkesan. Saya berharap institusi kewangan dan Biro Kredit PKS akan berganding bahu untuk memastikan inisiatif kita hari ini dapat mencapai matlamatnya. Dengan memperluas akses kepada kredit bagi sektor PKS, potensi PKS untuk menyumbang kepada ekonomi akan bertambah kukuh.

Forum Serantau Asia Kumpulan Penasihat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dasar dan Pengawalan Rangkuman Kewangan Kuala Lumpur, 6 Mei 2009

Ucapan Alu-aluan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Pengenalan

Saya dengan sukacitanya mengalu-alukan kedatangan hadirin sekalian ke Forum Serantau Asia Kumpulan Penasihat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Advisors Group, UNAG) Mengenai Dasar dan Pengawalan Rangkuman Kewangan (Financial Inclusion). Persidangan ini diadakan ketika dunia sedang berusaha untuk menangani isu-isu yang timbul akibat daripada krisis kewangan dan ekonomi semasa. Meskipun perhatian dan usaha yang giat sedang dijuruskan ke arah penyelesaian krisis kewangan dan juga pewujudan persekitaran yang kondusif untuk menjana semula pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan, kita tidak seharusnya lupa akan agenda untuk memperluas rangkuman kewangan. Rangkuman kewangan yang lebih meluas ini adalah penting untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan dan seimbang selain memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk menikmati kemajuan ekonomi negara. Selain itu ia juga membolehkan kemakmuran yang dijana dapat dikongsi bersama-sama selaras dengan aspirasi yang terkandung dalam Matlamat Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Alaf ini.

Sesungguhnya Bank Negara Malaysia berasa amat bertuah kerana diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi forum yang julung kali diadakan di rantau Asia. Kami juga berbangga dengan kehadiran Gabenor Nout Wellink, Presiden Central Bank of Netherlands hari ini dan juga atas kesudian Mr Jacques Toureille, Penasihat UNAG untuk menyampaikan ucaptama bagi pihak H.R.H. Princess Maxima.

Forum ini berjaya mengumpulkan beberapa pemikir tersohor dari pelbagai negara dengan pengalaman yang berbeza-beza dalam bidang rangkuman kewangan. Saya yakin forum ini akan mempertingkat lagi pemahaman kita mengenai isu-isu penting dalam agenda memperluas rangkuman kewangan, dan juga boleh melahirkan idea-idea baharu bagi menangani isu-isu penting pengawalan dan dasar yang akan memastikan sistem rangkuman kewangan akan terus mapan.

Krisis kewangan dan implikasinya terhadap golongan miskin

Tahun 2009 dijangka tahun yang sukar buat kebanyakan negara. Ketika kita melangkah ke tahun ketiga krisis kewangan, kemelesetan secara serentak dalam ekonomi maju telah pun berlaku. Bagi kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, kesan sepenuhnya krisis ini terhadap ekonomi dalam negeri akan dirasai tahun ini. Penting untuk diperhatikan bahawa sistem kewangan dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun terus kukuh dan yang lebih penting lagi ia terus dapat berfungsi, dengan menyediakan kredit dan menyokong aktiviti ekonomi. Kemerosotan permintaan luar negeri yang teruk bagaimanapun telah menjejaskan ekonomi sedang pesat membangun yang lebih terbuka sifatnya. Isu yang sama pentingnya ialah ketidakseimbangan impak perkembangan ini terhadap negara yang lebih miskin dan juga kesan tidak seimbang perkembangan ini terhadap golongan yang lebih miskin dalam sesebuah ekonomi.

Ekoran itu, krisis ini telah menyebabkan beberapa isu berkaitan dengan rangkuman kewangan semakin mendapat perhatian. Pertama, tatkala krisis ini memerlukan tindakan yang amat pantas, iaitu tindak balas dasar untuk memulihkan semula fungsi sistem kewangan dan menjana semula pertumbuhan ekonomi, komitmen berterusan terhadap

objektif rangkuman kewangan juga diperlukan. Hal ini menjadi lebih penting apabila kita mengambil kira implikasi krisis ini yang lebih teruk terhadap golongan miskin dalam sesebuah ekonomi.

Kedua, sementara dasar dan pengawalan terhadap rangkuman kewangan adalah penting bagi memastikan kekukuhan dan kemapanan sistem kewangan yang merangkumi semua (inclusive financial system), sama penting ialah dasar, instrumen dan rangka kerja untuk mengendalikan tekanan yang timbul dalam sistem kewangan yang merangkumi semua ini. Ini supaya strategi penyelesaian akan menyediakan penyelesaian yang menyeluruh yang dapat memenuhi keperluan seluruh spektrum sistem kewangan, daripada yang besar dan amat berhubung kait dengan implikasi sistemik hinggalah kepada yang kecil dan sangat mudah terjejas. Ini termasuk langkah-langkah yang berkaitan dengan bantuan dan sokongan serta mekanisme penyelesaian bagi memastikan sistem kewangan yang merangkumi semua terus mapan meskipun dalam keadaan kewangan dan ekonomi yang tidak stabil.

Menyedari akan pentingnya rangkuman kewangan ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menubuhkan Kumpulan Penasihat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Rangkuman Kewangan (United Nations Advisory Group on Financial Inclusion) pada tahun 2006. UNAG berperanan untuk menasihati Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan negara anggotanya tentang isu yang berkaitan dengan kemajuan agenda rangkuman kewangan pada peringkat global. Sejak penubuhannya, UNAG telah mencapai banyak kejayaan termasuk meningkatkan kesedaran orang ramai akan pentingnya rangkuman kewangan, dan membantu Kerajaan dalam mereka bentuk sistem pengawalan bagi memudahkan pewujudan perkhidmatan kewangan buat golongan miskin. Selain itu, UNAG juga telah menggalakkan penggunaan langkah-langkah holistik untuk mengukur tahap kemajuan rangkuman kewangan, mengumpul dan menyebarkan amalan terbaik, menjalin kerjasama dengan sektor swasta bagi memanfaatkan tenaga mahir dan teknologi agar rangkuman kewangan akan lebih meluas dan juga menggalakkan kerja-kerja penyelidikan yang akan merangsang inisiatif-inisiatif baharu.

Di Malaysia, rangkuman kewangan diberi keutamaan tinggi dalam agenda nasional. Sejak penubuhan Bank Negara Malaysia, terdapat dasar yang jelas untuk mewujudkan rangkaian cawangan perbankan perdagangan yang meluas ke seluruh negara. Ini bagi memastikan jangkauan kewangan adalah meluas khususnya di kawasan luar bandar. Malaysia kini mempunyai 10.2 cawangan bagi setiap 100,000 orang berbanding dengan median global sebanyak 8.4 cawangan bagi setiap 100,000 orang. Di Malaysia, lebih 80% daripada penduduknya mempunyai akaun simpanan. Ini lantas menyumbang kepada pembiayaan melalui simpanan (financialisation of savings) di negara ini. Deposit sebagai peratusan keluaran dalam negeri kasar ialah 180%, iaitu simpanan termasuk simpanan kecil, digembleng dalam sistem kewangan formal dan membolehkannya disalurkan kepada kegiatan ekonomi yang produktif.

Bagi menggalakkan lagi penyediaan perkhidmatan kewangan asas kepada golongan yang tidak berpeluang mendapat perkhidmatan sebegini, Bank Simpanan Nasional di Malaysia telah diberi mandat untuk memperluas jangkauan perkhidmatan simpanan dan pembiayaan mikronya. Langkah ini, bersama-sama usaha institusi perbankan perdagangan dan agensi pembiayaan mikro yang diberi mandat oleh Kerajaan, telah meningkatkan dengan nyata pembiayaan mikro di negara ini. Pembiayaan mikro telah meningkat daripada RM151 juta pada tahun 2000 kepada RM1.7 bilion pada tahun 2008 dan mencatat pertumbuhan tahunan purata 35%.

Bank Negara Malaysia telah menyambut ulang tahunnya yang ke-50 awal tahun ini. Bersempena jubli emasnya ini, Bank Negara Malaysia telah mengkaji semula perlembagaannya yang sedia ada iaitu Akta Bank Negara Malaysia, untuk mengambil kira perubahan besar yang telah berlaku dalam persekitaran ekonomi dan kewangan dalam negeri dan antarabangsa. Kerja-kerja penggubalan cadangan perlembagaan baharu

ini telah mengambil masa dua tahun. Dalam merangka mandat yang lebih jelas buat Bank Negara Malaysia, matlamat rangkuman kewangan yang tidak disebutkan dengan nyata dalam Akta yang sedia ada tetapi sebenarnya dilaksanakan, kini digariskan dengan jelas dalam Akta yang disyorkan ini. Ini bagi memastikan generasi pegawai bank pusat yang akan datang akan terus memberi komitmen yang teguh untuk memajukan sistem kewangan yang merangkumi semua.

Penutup

Sebagai penutup, ingin saya nyatakan di sini bahawa dalam persekitaran semasa yang masih penuh dengan ketidaktentuan, pengantaraan kewangan memainkan peranan penting untuk menyokong pemulihan ekonomi negara. Fokus Bank Negara Malaysia sebagai pengawal selia adalah untuk memastikan kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan, lantas menyediakan platform untuk sektor perbankan memainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi. Oleh itu, sistem kewangan yang terus berfungsi merupakan elemen penting dalam proses pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Bagi ekonomi sedang pesat membangun khususnya, usaha ini perlu diperluas lagi dengan membina infrastruktur kewangan, meningkatkan tahap celik kewangan serta menyediakan persekitaran yang menyokong sistem kewangan yang merangkumi semua.

Forum ini memberi peluang kepada kita untuk membincangkan banyak isu yang sedang dihadapi, terutamanya ketika kita melalui tempoh yang tidak stabil ini dan juga cara untuk kita memperkukuh keupayaan bagi membolehkan agenda untuk memperluas rangkuman kewangan tercapai. Saya berharap persidangan ini akan menjadi forum perbincangan yang produktif dan berjaya mencapai matlamatnya.

Majlis Jamuan Tengah Hari LOFSA Bersama-sama Duta-Duta Asing di Malaysia
Kuala Lumpur, 13 Mei 2009

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat mengalu-alukan kehadiran Tuan-Tuan Yang Terutama ke majlis jamuan tengah hari yang istimewa ini. Ketika keadaan ekonomi dan kewangan sedang pesat mengalami perubahan dan juga mengambil sempena penerbitan Laporan Tahunan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Labuan Offshore Financial Services Authority, LOFSA) dua hari lalu, kami mengambil kesempatan ini untuk berkongsi dengan Tuan-Tuan Yang Terutama mengenai perkembangan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, Labuan IBFC) dan liberalisasi kewangan yang diumumkan baru-baru ini, yang juga berkaitan dengan Labuan IBFC.

Laporan Tahunan LOFSA bagi tahun 2008 melaporkan bahawa Labuan IBFC berjaya mengekalkan pertumbuhan positif dalam semua sektor perniagaan utama meskipun persekitaran global semakin mencabar.

Namun, persekitaran yang lebih mencabar ini tidak menjejaskan pelaksanaan inisiatif dasar selanjutnya pada tahun 2008, yang bermatlamat untuk mentransformasikan Labuan IBFC daripada pusat kewangan luar pesisir tradisional kepada Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa yang aktif.

Langkah meletakkan Labuan IBFC pada rantaian perkhidmatan kewangan yang lebih tinggi telah menyumbang kepada pengukuhan daya saingnya. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini jelas mencerminkan komitmen LOFSA dan Kerajaan Malaysia untuk memastikan pembangunan Labuan IBFC terus diberi keutamaan dan pusat perniagaan dan kewangan ini yang mempunyai rangkaian hubungan, kemudahan dan kecekapan kos yang tinggi di Asia, terus berdaya saing.

Labuan IBFC kini mempunyai lebih daripada 300 institusi kewangan antarabangsa yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan konvensional dan kewangan Islam yang komprehensif. Antara institusi kewangan yang beroperasi di sini termasuklah bank dan syarikat insurans semula antarabangsa yang terkemuka.

Prestasi industri perbankan di Labuan IBFC pada tahun 2008 terus menunjukkan pengembangan dengan permodalan kekal kukuh dan kualiti portfolio aset bertambah baik seperti dicerminkan oleh penurunan dalam pinjaman tak berbayar kasar. Sektor insurans juga terus berada pada kedudukan yang kukuh seperti yang ditunjukkan oleh agregat margin kesolvenan yang melebihi paras keperluan pengawalseliaan minimum. Premium kasar industri insurans juga mencatat peningkatan ketara dan jumlahnya kini melebihi USD1 bilion. Bilangan syarikat yang beroperasi di Labuan juga telah bertambah. Industri pemajakan juga terus cergas, dan prestasi industri syarikat amanah pula stabil pada tahun 2008.

Labuan IBFC terus mencatat pertumbuhan positif dalam bidang kewangan Islam, khususnya dana persendirian dan perniagaan takaful semula Islam. Ini memperkukuh lagi peranan Labuan IBFC dalam membantu untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Kewangan Islam Antarabangsa.

Oleh itu, ketika banyak pusat kewangan antarabangsa mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan semasa berlakunya kemelut kewangan global, Labuan IBFC pula terus mencatat pertumbuhan yang stabil dalam banyak urus niaga kewangan dan perniagaan merentas sempadan.

Faktor utama bagi pertumbuhan Labuan IBFC yang mapan ialah persekitaran perniagaan yang dikawal selia dengan baik lantas memberi keyakinan kepada para pelabur untuk terus melabur di Labuan IBFC. LOFSA, sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan bagi Labuan IBFC, diamanahkan dengan tugas mengawal selia aktiviti di pusat ini selain menyediakan infrastruktur kewangan yang diperlukan bagi memastikan sektor perniagaan antarabangsa diurus dan dikawal selia dengan baik. Ini bagi mengekalkan kekukuhan dan kestabilan Labuan IBFC serta statusnya sebagai pusat yang berintegriti tinggi.

Pendekatan pengawalseliaan oleh LOFSA telah berkembang dengan baik sejak beberapa tahun yang lalu susulan persekitaran yang berubah-ubah. Walau bagaimanapun, pada peringkat permulaannya, LOFSA melaksanakan dasar kemasukan yang ketat bagi penubuhan institusi kewangan dan syarikat amanah dan juga aktiviti pasaran modal. Hanya perusahaan perniagaan yang benar-benar tulen dan sah dibenarkan. Usaha wajar yang menyeluruh dibuat pada peringkat kemasukan lagi bagi memastikan hanya perniagaan yang "layak dan sesuai" (fit and proper) dibenarkan beroperasi di Labuan IBFC. Labuan IBFC juga menerima penilaian yang positif dalam laporan IMF, manakala Kumpulan Asia Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram pula mengkategorikannya sebagai kawasan berisiko rendah bagi pengubahan wang haram.

LOFSA juga menerima pakai amalan terbaik antarabangsa selain menjadi anggota dalam komuniti pengawal selia pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti:

1. Kumpulan Pengawal Selia Perbankan Luar Pesisir;
2. Kumpulan Pengawal Selia Insurans Luar Pesisir;
3. Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa; dan
4. Kumpulan Asia Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram.

Oleh itu, penilaian sehala Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (Organisation for Economic Cooperation & Development, OECD) baru-baru ini yang menyenaraikan Malaysia (Labuan) sebagai "Pusat Kewangan kategori 3" didapati tidak berasas. Apa yang lebih mengecewakan ialah negara G20 mengiktiraf senarai ini. Keputusan OECD dan G20 untuk menerbitkan senarai ini tanpa berunding dan memberi sebarang notis kepada negara yang terbabit dilihat sebagai sesuatu yang tidak wajar. Hanya beberapa negara terpilih sahaja yang dimaklumkan mengenai perkara ini. Negara-negara ini berjaya menyatakan hasrat mereka untuk mematuhi piawaian percukaian OECD beberapa hari sebelum tersiarnya senarai ini dan hasilnya negara-negara berkenaan dikeluarkan daripada senarai ini. Malaysia merupakan antara empat negara yang kekal dalam senarai tersebut. Walau bagaimanapun, setelah menjelaskan perkara ini kepada OECD, kesemua negara tersebut termasuk Malaysia, tidak lagi tersenarai dalam "Pusat Kewangan kategori 3". Namun, nama baik kesemua negara tersebut sebenarnya sudah pun tercemar.

Jelas bahawa keputusan untuk "menyenarai hitam" telah dibuat tanpa mengambil kira kedudukan Malaysia dan Labuan yang sudah sekian lama memberi keutamaan terhadap pematuhan piawaian antarabangsa perbankan dan pertukaran maklumat.

Perundangan yang sedia ada membenarkan pertukaran maklumat dan Malaysia telah pun menandatangani sebanyak 69 Perjanjian Cukai Dua Kali yang kesemuanya mengikut konvensyen Model Perjanjian Percukaian Berganda yang dibentuk oleh OECD. Walaupun Malaysia bukan anggota OECD, kami sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berwibawa di seluruh dunia bagi membantu mengesan amalan percukaian atau kewangan yang menyalahi undang-undang.

Turut menjadi kebimbangan ialah ketiadaan beberapa kawasan atau "tempat lindungan cukai" (tax haven) yang jelas tidak mematuhi sepenuhnya piawaian pertukaran maklumat OECD dalam senarai tersebut. Agak mengecewakan juga ialah keputusan 20 buah negara digunakan untuk menentukan nasib 165 buah negara lain. Meskipun terdapat perkembangan sebegini, Malaysia akan

meneruskan usahanya untuk menerima pakai piawaian antarabangsa dan amalan terbaik bagi memastikan Labuan kekal sebagai pusat kewangan yang kukuh dan segala urusan perniagaan antarabangsa yang sah diurus dengan baik.

Seperti yang kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini mengumumkan beberapa langkah liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia. Liberalisasi ini bertujuan untuk mempertingkat kesalinghubungan ekonomi dan kewangan antarabangsa serta memperkukuh sektor perkhidmatan kewangan Malaysia untuk menjadi pemangkin yang akan mengangkat negara ini ke fasa pembangunan seterusnya.

Berhubung dengan langkah liberalisasi yang berkaitan dengan Labuan IBFC, syarikat induk Labuan akan diberi fleksibiliti untuk beroperasi dari Kuala Lumpur berkuat kuasa 1 Jun 2009. Institusi perbankan dan syarikat insurans Labuan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan juga akan dibenarkan beroperasi dalam negeri, masing-masing mulai tahun 2010 dan 2011. Fleksibiliti baharu ini akan membolehkan institusi-institusi di Labuan meningkatkan kecekapan pengendalian dengan memanfaatkan kemudahan, infrastruktur dan sumber seperti modal insan dan perkhidmatan profesional yang disediakan dalam negeri (onshore). Fleksibiliti ini akan turut disokong oleh pemantauan dan rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh bagi mengawal operasi entiti yang ada di sini.

Dalam usaha untuk mengekalkan daya saing Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa, beberapa inisiatif strategik lain telah dilaksanakan. Ini termasuk penubuhan sebuah syarikat pemasaran yang berasingan oleh LOFSA, pengurangan fi tahunan yang perlu dibayar oleh syarikat-syarikat di Labuan, dan penambahan pelbagai produk dan perkhidmatan yang berpotensi berikutan kajian semula rangka kerja perundangan. Kami percaya inisiatif-inisiatif ini akan menjadikan Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa yang lebih kukuh yang menyediakan peluang dan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan dan bakal pelaburnya.

Kesan limpahan akibat daripada krisis kewangan global membawa bersama-samanya banyak cabaran. Namun, LOFSA terus komited dengan matlamat jangka panjangnya untuk mengekalkan Labuan IBFC sebagai pusat kewangan antarabangsa pilihan utama yang berintegriti tinggi. Ini bagi meletakkan LOFSA pada landasan yang mantap bagi menyediakan perkhidmatan kepada sektor perniagaan dan para pelabur serta memastikan Labuan IBFC disokong oleh penyedia perkhidmatan berkualiti tinggi, sistem penyampaian yang cekap dan juga rangka kerja perundangan yang kondusif. Oleh itu, kami berharap Tuan-Tuan Yang Terutama akan terus memberi kerjasama dan sokongan agar dapat meningkatkan lagi kesedaran syarikat dan perusahaan perniagaan di negara Tuan-Tuan Yang Terutama terhadap peluang-peluang yang ada di Labuan IBFC.

KALENDAR PERISTIWA
April – Jun 2009

7 April 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan terbitan Sukuk Simpanan Rakyat 2009 berjumlah RM2.5 bilion. Sukuk tanpa skrip berlandaskan prinsip Syariah (bon Islam) ini menawarkan pulangan 5% setahun yang dikecualikan daripada cukai dan merupakan instrumen simpanan tambahan yang disediakan untuk warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas. Pada 17 April, jumlah terbitan sukuk ini ditambah kepada RM5 bilion dengan menggunakan peruntukan siri keduanya berikutan permintaan yang amat menggalakkan daripada orang ramai. Sukuk ini dilanggan sepenuhnya pada 27 April.

16 April 2009

Dalam ucaptama Gabenor pada majlis Pelancaran Biro Kredit PKS, beliau menyatakan bahawa penubuhan biro tersebut merupakan satu lagi komponen untuk menggalakkan proses pengantaraan kewangan yang lebih efisien dan berkesan ke arah memastikan akses kredit yang lebih luas untuk sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Beliau juga menyatakan PKS akan mendapat manfaat yang besar daripada perkhidmatan yang disediakan oleh biro ini dari segi membina reputasi kredit mereka, penilaian lebih adil tentang kepercayaan kredit PKS dan pemahaman lebih mendalam mengenai proses penilaian kredit.

27 April 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan langkah liberalisasi kewangan selanjutnya untuk memperkukuh kesalinghubungan ekonomi Malaysia dengan negara-negara lain dan memperkukuh peranan sektor kewangan dalam menyokong dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Langkah liberalisasi ini bertujuan untuk mencapai matlamat jangka panjang mewujudkan sektor kewangan yang cekap, berdaya tahan dan dinamik. Pendekatan Malaysia ke arah liberalisasi ini adalah secara beransur-ansur dan terpilih bagi memastikan negara mendapat manfaat sepenuhnya selain disokong oleh perlindungan kewangan yang mencukupi supaya seluruh fungsi pengantaraan sistem kewangan akan terus utuh, berkesan dan kukuh.

Langkah-langkah untuk meliberalkan industri perkhidmatan kewangan Malaysia:

I. Pengeluaran lesen baharu

Pengeluaran sehingga sembilan lesen perbankan dan insurans baharu dengan tidak lebih daripada:

- dua lesen perbankan Islam baharu akan ditawarkan kepada peserta asing pada tahun 2009 untuk menubuhkan bank-bank Islam baharu dengan modal berbayar sekurang-kurangnya USD1 bilion setiap satu;
- dua lesen bank perdagangan baharu pada tahun 2009 untuk peserta asing yang mempunyai 'kepakaran khusus';
- tiga lesen bank perdagangan baharu pada tahun 2011 untuk 'bank bertaraf dunia'; dan
- dua lesen takaful keluarga baharu pada tahun 2009.

II. Kenaikan had ekuiti asing

- Menaikkan had ekuiti asing dalam bank-bank Islam domestik, bank pelaburan, syarikat insurans dan pengendali takaful daripada 49% kepada 70% berkuat kuasa serta-merta. Had ekuiti asing yang lebih tinggi melebihi 70% bagi syarikat insurans akan dipertimbangkan mengikut keperluan bagi peserta yang boleh menyumbang kepada penyatuan dan rasionalisasi industri insurans.

III. Kefleksibelan operasi

- Institusi perbankan luar pesisir dan syarikat insurans luar pesisir yang dilesenkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan diberikan fleksibiliti untuk beroperasi di dalam negeri (onshore), masing-masing mulai tahun 2010 dan 2011.
- Bank perdagangan asing yang diperbadankan di Malaysia dibenarkan membuka sehingga empat cawangan baharu pada tahun 2010 dan sehingga 10 cawangan pembiayaan mikro berkuat kuasa serta-merta.
- Syarikat insurans dan pengendali takaful asing yang diperbadankan di Malaysia dibenarkan membuka cawangan di seluruh negara tanpa sekatan berkuat kuasa serta-merta.
- Institusi perbankan, syarikat insurans dan pengendali takaful diberikan lebih banyak fleksibiliti untuk menggaji ekspatriat pakar berkuat kuasa serta-merta.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia mengeluarkan set duit syiling peringatan bersempena sambutan Ulang Tahun Ke-75 Tentera Laut Diraja Malaysia. Duit syiling ini boleh didapati dalam tiga spesifikasi; Duit Syiling Peringatan Emas (pruf), Duit Syiling Peringatan Perak (pruf) dan Duit Syiling Peringatan Emas Nordic. Orang ramai boleh membeli duit syiling tersebut di ibu pejabat Bank Negara Malaysia (BNMLINK), dan cawangannya di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching.

29 April 2009

Pada mesyuarat ketiganya bagi tahun 2009, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 2.00 peratus. Menurut MPC, ekonomi dalam negeri dijangka mencatat penguncupan yang nyata pada suku pertama 2009 dan ini dijangka berterusan hingga suku kedua tahun ini. Walau bagaimanapun, ekonomi dalam negeri dijangka lebih baik pada separuh tahun kedua 2009, disokong oleh penstabilan dalam keadaan ekonomi global dan dorongan lebih besar daripada pelaksanaan langkah-langkah rangsangan fiskal.

6 Mei 2009

Bank Negara Malaysia dan Kumpulan Penasihat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Rangkuman Kewangan (United Nations Advisors Group on Inclusive Financial Sector, UNAG) menjadi tuan rumah secara bersama bagi “Forum Serantau Asia Mengenai Dasar dan Pengawalan Rangkuman Kewangan” pada 6 hingga 7 Mei. Forum ini membuka peluang kepada penggubal dasar, pengawal selia dan pakar kewangan kanan dari 14 negara Asia untuk berbincang mengenai isu strategik berkaitan rangkuman kewangan pada peringkat global dan rantau Asia. Para peserta turut membincangkan peranan pengawal selia dalam mewujudkan infrastruktur pengawalan yang menyokong peranan unik yang dimainkan oleh institusi pembiayaan mikro bagi memastikan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan kewangan.

13 Mei 2009

Pada Majlis Jamuan Tengah Hari LOFSA Bersama-sama Duta-Duta Asing di Malaysia, Gabenor menyatakan bahawa Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, Labuan IBFC) berjaya mengekalkan pertumbuhan positif semua sektor perniagaan utama pada tahun 2008 meskipun persekitaran global semakin mencabar. Beliau menambah bahawa inisiatif dasar selanjutnya untuk mentransformasikan Labuan IBFC daripada pusat kewangan luar pesisir tradisional kepada Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa yang aktif juga telah dilaksanakan pada tahun itu. Beliau menyatakan bahawa pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut mencerminkan komitmen LOFSA dan pihak Kerajaan dalam memastikan pembangunan Labuan IBFC terus diberi keutamaan, dan pusat perniagaan dan kewangan ini yang mempunyai rangkaian hubungan, kemudahan dan kecekapan kos yang tinggi di Asia, akan terus berdaya saing.

15 Mei 2009

Kerajaan mengumumkan penubuhan Danajamin, institusi jaminan kewangan nasional yang akan menyediakan penambahbaikan kredit bagi memudahkan syarikat-syarikat yang mempunyai penarafan perniagaan dan pelaburan yang berdaya maju mendapat akses yang lebih baik kepada pasaran bon Malaysia. Danajamin dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan tertakluk kepada keperluan kehematan yang mengawal aktiviti pengambilan dan pengurusan risiko.

26 Mei 2009

MPC memutuskan untuk mengekalkan OPR pada 2.00 peratus. Kemerosotan ekonomi dunia pada suku pertama adalah lebih buruk daripada jangkaan berikutan kemelut kewangan global yang berlarutan. Ekonomi dalam negeri terus terjejas oleh penguncupan ketara dalam permintaan luar negeri yang telah menyebabkan kemerosotan eksport dan pengeluaran perindustrian. Namun, penunjuk aktiviti ekonomi global terkini menunjukkan bahawa penurunan adalah lebih sederhana lantas menyarankan bahawa terdapat potensi pemulihan secara beransur-ansur pada separuh tahun kedua. Dengan adanya mudah tunai yang besar dan mencukupi dalam sistem, penekanan akan terus diberikan pada usaha memastikan aliran kredit adalah mencukupi untuk semua segmen ekonomi.

27 Mei 2009

Bank mengumumkan ekonomi Malaysia menguncup 6.2% pada suku pertama 2009, berikutan kemerosotan ketara dalam permintaan luar negeri akibat kemelesetan yang bertambah buruk dalam ekonomi maju. Walau bagaimanapun, prospek pemulihan keadaan ekonomi global lebih cerah pada separuh tahun kedua 2009, hasil daripada langkah-langkah rangsangan fiskal dan akses kepada pembiayaan yang berterusan.

30 Mei 2009

Para pegawai kanan Bank Negara Malaysia dan Bank of Thailand bermesyuarat di Bangkok sebagai sebahagian daripada dialog tetap mereka. Pada mesyuarat tersebut, mereka bertukar-tukar pandangan tentang isu semasa yang dihadapi oleh sistem ekonomi dan kewangan negara masing-masing, serantau dan antarabangsa. Kedua-dua bank pusat ini bersetuju untuk mencari jalan memperkukuh inisiatif dua hala dalam sistem kewangan dengan tujuan untuk memperkuat integrasi ekonomi dan perdagangan Malaysia dan Thailand. Mesyuarat tersebut juga bersetuju untuk mencari dan melaksanakan saluran kerjasama baharu serta memperluas aktiviti institusi kewangan di negara masing-masing.

30 Jun 2009

Bank mengumumkan pelaksanaan Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (Cheque Truncation and Conversion System, CTCS) di seluruh negara. Berkuat kuasa 1 Julai 2009, sistem penjelasan cek di Malaysia akan berasaskan penyaluran imej dan data cek secara elektronik antara bank dengan rumah penjelasan bagi menggantikan sistem sedia ada yang berasaskan pertukaran cek secara fizikal. CTCS diuruskan dan dikendalikan oleh Perbadanan Penjelasan Elektronik Malaysia Sdn. Bhd (Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd, MyClear), iaitu syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia. Sistem ini akan meningkatkan kecekapan struktur pembayaran balik bagi pengguna dan sektor perniagaan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan, lantas meningkatkan daya saing ekonomi secara keseluruhan. Pelaksanaan CTCS mencerminkan usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran secara lebih meluas dalam urus niaga.